

# LAPORAN TAHUNAN 2013

POLITEKNIK KOTA BHARU



# LAPORAN TAHUNAN 2013

## POLITEKNIK KOTA BHARU

POLITEKNIK MALAYSIA
KOTA BHARU

POLITEKNIK KOTA BHARU
KM 24, Kok Lanas, 16450 Ketereh, Kelantan
Tel : +609 788 9126 Fax : +609 788 8739
www.pkb.edu.my

# kandungan


| | |
|---|---|
| Misi dan Visi | vi |
| Piagam Pelanggan | vii |
| Dari Meja Pengarah | viii |
| Carta Oragnisasi | ix |
| Jawatankuasa Peneraju | x |
| Aktiviti | |
| Jabatan Kejuruteraan Awam | 2 |
| Jabatan Kejuruteraan Elektrik | 6 |
| Jabatan Kejuruteraan Mekanikal | 13 |
| Jabatan Perdagangan | 17 |
| Jabatan Matematik, Sains dan Komputer | 22 |
| Jabatan Pengajian Am | 25 |
| Jabatan Hal Ehwal Pelajar | 29 |
| Unit Peperiksaan | 31 |
| Unit Ko-Kurikulum | 32 |
| Unit Perhubungan Latihan Industri | 37 |
| Unit Perpustakaan | 39 |
| Unit Pembangunan Instruksional dan Multimedia | 46 |
| Unit Sistem dan Teknologi Maklumat | 48 |
| Unit Pembangunan dan Penyenggaraan | 50 |
| Unit Penyelidikan dan Inovasi | 52 |
| Unit Kamsis | 57 |
| Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan | 62 |
| Unit Kualiti dan Dokumentasi | 65 |
| Unit Psikologi dan Kerjaya | 67 |
| Unit Keusahawanan | 71 |
| Unit Sukan | 74 |
| Persatuan Alumni PKB | 78 |
| Unit Pentadbiran | 81 |
| Data dan Statistik | 82 |
| Album 2013 | 100 |



Politeknik Kota Bharu mula beroperasi pada 1985 di kampus sementara di Sekolah Menengah Teknik Pasir Mas, Bunut Susu, Kelantan. Politeknik Kota Bharu telah berpindah ke kampus kekal pada tahun 1988 di Kok Lanas, Ketereh. Pada awal penubuhannya, bilangan pelajar adalah seramai 400 orang dengan 44 orang tenaga pengajar. Kini PKB mempunyai 5 567 orang pelajar dengan 480 orang staf akademik dan 127 orang staf bukan akademik.



# MISI

Menerobos sempadan untuk membina persekitaran pembelajaran transformatif dan kreatif ke arah menjana ekonomi yang dipimpin inovasi.



# VISI

Penjana utama modal insan inovatif
melalui pendidikan dan latihan transformasional
bagi memenuhi tenaga kerja global menjelang 2015.



# piagam**PELANGGAN**

- Proses pendaftaran pelajar diselesaikan pada hari yang sama pelajar sampai untuk mendaftar.
- Status tindakan terhadap aduan pelanggan dimaklumkan kepada pengadu dalam masa 2 minggu selepas aduan diterima.
- Keputusan peperiksaan akhir diproses dalam masa 2 minggu selepas semester pengajian berakhir.
- Berusaha untuk melaksanakan 100% penyeliaan ke atas semua pelajar yang sedang mejalani latihan industri pada satu-satu semester.
- Kelulusan tempahan kenderaan dalam masa 2 hari dari tarikh permohonan.

# dari meja PENGARAH



Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Allhamdulilllah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua maka kita dapat menyempurnakan Laporan Tahunan 2013 Politeknik Kota Bharu (PKB), yang merupakan satu koleksi aktiviti dan program yang telah dilalui dan ditempuhi oleh warga kerja PKB sepanjang tahun 2013. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat khususnya sidang redaksi yang bertungkus lumus memastikan laporan ini dapat diterbitkan.

PKB telah banyak melakar keupayaan dalam pelbagai bidang samada pendidikan, penyelidikan dan inovasi, sukan, keusahawanan mahupun kebudayaan. Malah jaringan kolaborasi dengan industri, agensi kerajaan serta swasta turut dipergiatkan bagi memastikan misi dan visi yang digariskan dapat dicapai serta matlamat menghasilkan graduan yang berkualiti serta memenuhi kehendak industri dapat direalisasikan.

Kejayaan ini adalah hasil kerjasama semua pihak samada para pensyarah, kakitangan sokongan mahupun pelajar disemua peringkat. Walaubagaimanapun diingatkan agar jangan mudah merasa selesa dan berpuas hati dengan kejayaan yang lalu. Sebaliknya masih banyak ruang yang perlu diperbaiki tahun 2014 akan kita hadapi dan ianya tidak menjanjikan apa-apa harapan kecuali kita semua perlu bekerja keras serta memperbaiki kelemahan yang lalu. Laporan ini seharusnya dijadikan panduan dan rujukan bagi memperbaiki sebarang kelemahan dan seterusnya merangka strategi yang lebih berkesan kearah penambahbaikan pada masa akan datang.

Akhir kalam saya ingin menyeru kepada seluruh warga PKB agar sentiasa berusaha menerapkan budaya kerja berprestasi tinggi dan proaktif dalam semua tugas yang diberikan. Saya juga berdoa agar PKB berterusan mencipta kejayaan pada masa akan datang.

Terima kasih.

Haji Noor Azahan Othman
Pengarah
Politeknik Kota Bharu, Kelantan.

# cartaORGANISASI



# jawatankuasa**PENERAJU**





# aktiviti

# jabatan KEJURUTERAAN **AWAM**

Jabatan Kejuruteraan Awam merupakan salah satu jabatan induk di Politeknik Kota Bharu. Diterajui oleh En. Mohd Zardy bin Ab. Rahman dan dibantu oleh En. Mazlan bin Che Md Jusoh (selaku Ketua Program Kejuruteraan Awam) serta En. Wan Mohd Haniff bin W. Mohd Shaupil (selaku Ketua Jabatan Ukur Bahan). Jabatan ini mempunyai 95 orang kakitangan akademik dan 3 orang kakitagan sokongan.

## Aktiviti Explorace 'Run For Fun'

Bagi melahirkan pelajar yang bermotivasi dan memiliki semangat berpasukan,satu aktiviti "Explorace 'Run For Fun'" telah diadakan pada 02 Februari 2013 di sekitar kawasan dalam Politeknik Kota Bharu. Aktiviti ini telah dianjurkan oleh Kelab Ukur Bahan dan disertai oleh 30 orang pelajar dari semester 1 hingga semester 3 Diploma Ukur Bahan. Aktiviti ini berlangsung dengan jayanya dan mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar dan pensyarah.

## Lawatan Jalinan Mesra Kelab Ukur Bahan "Visit For Experience"

Lawatan Jalinan Mesra Pelajar Ukur Bahan ini merupakan salah satu aktiviti yang telah dirancang sendiri oleh Kelab Ukur Bahan dan telah dilaksanakan pada 19 hingga 22 Mac 2013. Lokasi lawatan adalah ke Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) dan Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS). Bertujuan mengeratkan hubungan antara pelajar Ukur Bahan Politeknik Kota Bharu dan Politeknik Sultan Azlan Shah serta Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah. Lawatan ini bukan sahaja bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara politeknik tetapi juga untuk memberi lebih idea kepada pihak kelab Ukur Bahan untuk membuat sesuatu aktiviti pada masa akan datang dengan melihat aktiviti yang dilakukan oleh kelab Ukur Bahan di politeknik lain.






## Mesyuarat Panel Penasihatan Industri Program Diploma Ukur Bahan 2013

Satu mesyuarat bersama panel penasihatan industri program Ukur Bahan telah diadakan pada 26 Mac 2013. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh En. Kamaludin bin Daud iaitu Timbalan Pengarah Akademik Politeknik Kota Bharu. Seramai 6 orang wakil industri dari firma perunding dan syarikat kontraktor telah menyertai mesyuarat tersebut. Turut hadir ialah Dr Razali bin Adul Hamid dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selaku jemputan akademik. Antara butiran mesyuarat adalah pembentangan perkembangan dan status program Ukur Bahan oleh Dr Nik Ab. Aziz bin Nik Mahmood selaku pensyarah Ukur Bahan dan

Ketua Panel Penggubal Kurikulum Diploma Ukur Bahan. Turut dibincangkan adalah pemerhatian dan prestasi kerja graduan ukur bahan di industri, kebolehpasaran graduan dan harapan-harapan pihak industri terhadap politeknik umumnya dan graduan ukur bahan khasnya. Beberapa cadangan dan maklum balas dari pihak industri telah direkod bagi meningkatkan mutu dan memberi nilai tambah kepada para graduan ukur bahan Politeknik Kota Bharu.

### Program Karnival Sukan "Jom Sihat QS"

Pada 13 hingga 14 September 2013 yang lepas, Kelab Ukur Bahan telah mengadakan karnival sukan 'Jom Sihat Qs' bertempat di Cahaya Planet Futsal dan Gelanggang Sukan Politeknik Kota Bharu. Diantara sukan yang dianjurkan ialah pertandingan bola tampar, pertandingan bola jaring dan perlawanan futsal. Karnival ini disertai oleh pelajar semester satu hingga enam Diploma Ukur Bahan. Bertujuan melahirkan pelajar yang bermotivasi dan memiliki semangat berpasukan disamping mencari pelajar yang berbakat didalam permainan yang dipertandingkan.







### Lawatan Sambil Belajar Ke Lembaga Sumber Air Negeri Kedah, Empangan Ah Ning, Kuala Nerang Dan Loji Rawatan Air Padang Sanai Baru

Jabatan Kejuruteraan Awam telah mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Lembaga Sumber Air Negeri Kedah, Empangan Ah Ning, Kuala Nerang dan Loji Rawatan Air Padang Sanai Baru pada 18 hingga 21 September 2013. Seramai 30 orang pelajar yang terlibat dan diketuai oleh Pn Rosidah Binti Mohd Saad. Tujuan lawatan adalah untuk memupuk semangat toleransi dan saling mengenali antara pelajar, pensyarah dan kakitangan syarikat, menarik minat pelajar untuk mendalami kursus CC607 Water and

Waste Engineering dan memberi peluang kepada pelajar melihat secara langsung ke tapak loji rawatan air mentah.

### Seminar Halatuju Profession Ukur Bahan Di Malaysia

Program ini telah jayanya diadakan pada 30hb. September 2013 di Dewan Al-Ghazali, Politeknik Kota Bharu untuk mendedahkan kepada pelajar dengan bidang ukur bahan pada keseluruhan dan meningkatkan pemahaman pelajar terhadap kursus yang berkaitan di politeknik. Program ini telah melibatkan 200 orang pelajar Kelab Ukur Bahan untuk memberi gambaran sebenar kepada para pelajar secara mendalam dalam bidang ukur bahan serta dapat menambahbaik kualiti pembelajaran pelajar dalam proses pengajaran & pembelajaran disamping meningkatkan kebolehpasaran graduan setelah tamat pengajian nanti.

### Bengkel Aplikasi Asas Microsoft Project Dalam Pengurusan Projek Pembinaan

Seramai 60 orang pelajar semester enam Diploma Ukur Bahan dan Diploma Kejuruteraan Awam telah mengikuti bengkel Aplikasi Asas Microsoft Project Dalam Pengurusan Projek Pembinaan. Bengkel ini telah berlangsung pada 01 Oktober 2013 yang lalu. Program ini telah mendedahkan kepada pelajar tentang satu cara atau kaedah pengurusan pembinaan dengan menggunakan aplikasi Microsoft Project (CPM). Para pelajar pada keseluruhannya dapat meningkatkan pemahaman tentang kursus yang diajar di politeknik disamping mendedahkan pelajar terhadap gambaran sebenar tentang aturcara pengurusan pembinaan dan aplikasi pengurusan pembinaan secara berkomputer. Secara keseluruhannya program ini berjaya dilaksanakan mengikut perancangan yang telah dibuat dan mendapat sambutan yang menggalakan daripada para pelajar.



### "QS Night Meniti Impian Menggamit Kenangan"

" QS Night – Meniti Impian Menggamit Kenangan" ini merupakan salah satu aktiviti yang telah dirancang sendiri oleh Kelab Ukur Bahan. " QS Night – Meniti Impian Menggamit Kenangan" ini telah diadakan di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kota Bharu, Kelantan pada 02 Oktober 2013. Majlis ini telah dapat merapatkan silaturrahim dalam kalangan pelajar Diploma Ukur Bahan dari semester satu sehingga semester enam. Ia juga dapat memberikan satu kenangan yang berharga semasa berada di Politeknik Kota Bharu.

## The National Concrete Pontoon Compettion 2013

Pada 11 dan 12 Disember 2013 Jabatan Kejuruteraan Awam telah menyertai Pertandingan Concrete Pontoon (CPC) yang diadakan di UTHM, Batu Pahat, Johor. Pertandingan ini dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, UTHM bersama Persatuan Konkrit Malaysia (CSM). Seramai 4 orang pensyarah dan 4 orang pelajar yang terlibat. Objektif pertandingan ini adalah untuk menghasilkan kiub konkrit dengan kekuatan melebihi 2.5 Mpa dan untuk menghasilkan pontoon yang ringan, terapung dan boleh menampung beban yang paling maksima.

## Seminar Kecemerlangan Ukur Bahan

Seminar Kecemerlangan Ukur Bahan telah berlangsung pada 29 hingga 31 Disember 2013 melibatkan pelajar semester lima dan enam Diploma Ukur Bahan. Bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar tentang pentadbiran kontrak serta mendedahkan pelajar terhadap gambaran sebenar pengurusan kontrak di alam pekerjaan nanti. Disamping itu juga, secara tidak langsung bengkel ini memberi peluang kepada pelajar menentukan halatuju selepas menamatkan pengajian di Politeknik Kota Bharu keperingkat yang lebih tinggi.




*“Seorang teman sejati akan membuat anda hangat dengan kehadirannya, mempercayai akan rahsianya dan mengingati anda dalam doa-doanya.”*

# jabatan KEJURUTERAAN **ELEKTRIK**

Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) merupakan salah satu jabatan induk di Politeknik Kota Bharu (PKB) yang berazam untuk menjadi satu jabatan akademik yang cemerlang dan unggul dalam melaksanakan program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)(DEP), Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (DEE) bagi melahirkan graduan yang berpotensi, berketrampilan dan berdaya saing. JKE mempunyai 95 tenaga pengajar yang professional, berdedikasi dan berpengalaman serta infrustruktur yang mencukupi, lengkap dan selesa yang terdiri daripada bilik kuliah, dewan kuliah, bengkel dan makmal yang untuk proses pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Sehingga kini, terdapat seramai 1286 pelajar termasuk mereka yang sedang menjalani latihan industri di luar kampus PKB.




**Program Kolaborasi JKE bersama Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) Kuala Lumpur dan Malaysia Transformer (M) Manufacturing Sdn.Bhd, Ulu Klang**

Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Kuala Lumpur merupakan peneraju dan perintis rangkaian telekomunikasi media elektronik di Malaysia. Demikian juga dengan Malaysia Transformer Manufacturing Sdn Bhd, Ulu Klang dimana syarikat ini merupakan perintis pembuatan transformer di Malaysia. Sehubungan itu, seramai 32 orang pelajar DEP, DEE dan DET telah dilibatkan dengan program ini pada 21 dan 22 Februari 2013 di kedua-dua tempat tersebut. Objektif penganjuran program adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar dengan peralatan sistem komunikasi dan kaedah penjanaan tenaga elektrik yang terkini. Program ini secara tidak langsung dapat menambahbaik kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan mendedahkan pelajar secara hands-on bagi meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan.

7

## Program Kolaborasi JKE Bersama Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping dan Cellestica (M) Sdn.Bhd, Kulim

Program kolaborasi antara Jabatan Kejuruteraan Elektrik ke ADTEC dan Cellestica (M) Sdn. Bhd telah dijalankan khususnya bagi pelajar jurusan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) terutama subjek elektif EE503 Teknologi Pembungkusan Dan Pembuatan Litar Bersepadu (IC Fabrication and Packaging Technology). Program selama tiga hari bermula 5 hingga 7 Mac 2013 ini telah berjaya mendedahkan pelajar tentang evolusi mikroelektronik terutamanya secara praktikal tentang kaedah fabrikasi litar bersepadu. Selain itu, pelajar dapat merasai sendiri pengalaman mengendalikan peralatan yang berteknologi tinggi dengan seliaan jurutera.






## Program Seminar Industri Bersama Telekom (M) Berhad, Kota Bharu













Sejajar dengan perkembangan teknologi terkini dan evolusi terhadap dunia telekomunikasi pada masa kini, Jabatan Kejuruteraan Elektrik(JKE) telah menganjurkan Seminar Industri selama sehari pada 4 Julai 2013 bertempat di Dewan Al-Ghazali, PKB. Seminar ini telah disampaikan oleh Encik Mohd Affandi Junoh selaku Penolong Pengurus, Unit ANM Kelantan, Telekom Malaysia Berhad, Kota Bharu. Perasmian program telah disempurnakan oleh En.Mazeree Bin Mohd Nawi manakala Majlis Penutup Program disempurnakan oleh

En.Rizan Bin Othman. Seminar ini menjadi medan utama perkongsian idea dan saluran maklumat kepada pensyarah dan 150 pelajar DEE, DET dan DEP di JKE, PKB berhubung dengan telekomunikasi.

### Program Kolaborasi JKE bersama Telekom (M) Berhad, Kuala Terengganu

Program Kolaborasi JKE bersama Telekom (M) Bhd, Kuala Terengganu telah berlangsung dengan jayanya pada 8 Julai 2013. Program ini merupakan susulan lawatan industri yang pertama di situ pada 17 Oktober 2012. Seramai 32 orang pelajar semester 3 program DEP, DEE, DET dan 5 orang pensyarah JKE telah mengikuti program tersebut di Telekom (M) Bhd, Kuala Terengganu. Program ini telah berjaya meningkatkan kefahaman kepada pelajar tentang maklumat terkini dalam penerimaan maklumat, medium penghantaran, dan perkakasan serta fiber optik yang digunakan dalam sistem komunikasi sejajar dengan keperluan program DEE, DEP dan DET selain dapat merapatkan jalian kolaborasi antara kedua-dua pihak.

### Program Kolaborasi JKE Bersama Stesen Janakuasa Elektrik Sultan Ismail Petra, Pergau Kelantan

Pada 27 Ogos 2013, 40 orang pelajar DET dan DEE telah mengadakan lawatan kolaborasi ke Stesen Janakuasa Elektrik Sultan Ismail Petra, Pergau Kelantan. Program ini amat penting kepada pelajar DET dan DEE kerana ianya mendedahkan secara praktikal tentang teknologi terkini yang digunakan dalam bidang penjanaan dan penghantaran tenaga elektrik di Negara kita. Di samping itu, program ini dapat meningkatkan kefahaman terhadap kursus yang berkaitan di PKB.





### Program Mini Projek Softskills

Seramai 37 orang pelajar DET3B dan 3 orang pensyarah telah menjalankan Mini projek Softskills yang melibatkan aktiviti yang menguji kekuatan fizikal, mental dan rohani. Program ini telah berkampung selama 3 hari dua malam di D'Lagoon, Pulau Perhentian pada 29 hingga 31 Ogos 2013. Antara aktiviti menarik yang dijalankan adalah jungle tracking ke Adam Eve, sukaneka, operasi burung hantu, water confidence (banana boat), flying fox, sukan air, persembahan kumpulan, dan ekspedisi ke kincir angin.





## Kursus Asas Menyelamat dan Latihan Kebakaran

Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan kerjasama Pasukan Bomba dan Penyelamat Pengkalan Kubor telah menganjurkan Kursus Asas Menyelamat dan Latihan Kebakaran pada 10 September 2013. Program ini telah melibatkan 37 orang pelajar DET1A bagi kursus AR101 bertempat di Pusat Latihan Balai Bomba dan Penyelamat Pengkalan Kubor, Kelantan. Kursus sehari ini berjaya menambah pengetahuan, dan mengaplikasi pengalaman sebenar berkaitan cara pencegahan kebakaran, tatacara pengunsian bangunan, teknik menghadapi kebakaran(Breathing Apparatus Training Gallery-BATG dan Sewer) dan latihan kebakaran. Program ini turut berjaya meningkatkan tahap keyakinan pelajar untuk menghadapi sebarang situasi.



## Mesyuarat Jawatankuasa Industri JKE

Lima wakil industri selaku Jawatankuasa Industri Jabatan Kejuruteraan Elektrik yang terdiri daripada TNB Tanah Merah, JKR Elektrik Kelantan, BI Technology, Celcom Axiata (M) Bhd, Kota Bharu, dan Telekom (M) Bhd, Kota Bharu telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Industri bersama pihak pengurusan JKE, PKB. Mesyuarat yang berlangsung pada 18 November 2013 ini dimulakan dengan sesi taklimat pengenalan JKE. Mesyuarat ini turut membincangkan tentang program kolaborasi, kajian/projek, Finishing School dan kursus-kursus kemahiran yang dapat dijalankan bersama dengan industri terlibat bagi membantu meningkatkan kemahiran pensyarah dan pelajar.

## Program Power–Up Knowledge ET101

Pada 5 Oktober 2013 Program Power-Up Knowledge ET101 dilaksanakan dengan jayanya di blok E, PKB. Program yang berbentuk latih tubi ini melibatkan pelajar semester satu JKE seramai 240 orang bersama pensyarah seramai 6 orang sebagai fasilitator. Program ini merupakan anjuran bersama unit psikologi dan kaunseling PKB bersama JKE. Program Power–Up Knowledge ET101 bertujuan untuk membantu pelajar yang lemah dalam kursus Electrical Technology 1 (ET101). Dengan adanya program ini diharapkan ia dapat membantu pelajar mengukuhkan dan memperkayakan pengetahuan dalam kursus Electrical Technology 1 seterusnya meningkatkan pencapaian pelajar dalam keputusan peperiksaan akhir.

## Malaysian International Robot Competition 2013 (MIRoC 2013).

Pada 11-14 April 2013 JKE telah menghantar 22 orang pelajar ke Universiti Malaysia Perlis (UniMaP) bagi menyertai Malaysian International Robot Competition 2013 (MIRoC 2013). Program ini dapat memberi impak yang tinggi kepada pelajar terutamanya dalam pembangunan P & P (Pembelajaran dan Pengajaran). Pelajar juga didedahkan dengan teknologi baru terutamanya dalam bidang robotik. Ini dapat meningkatkan lagi kebolehpasaran pelajar apabila tamat pengajian kelak. Penyertaan kali ini juga amat membanggakan para pelajar kerana PKB dapat memasuki peringkat separuh akhir pertandingan robot dan memenangi pingat gangsa untuk pertandingan booth.

## Majlis Pentauliahan Exco PPKE 2013



Pada 20 Oktober 2013, PPKE telah mengadakan Majlis Pentauliahan Exco Persatuan Pelajar Kejuruteraan Elektrik (PPKE) & Penganugerahan Sijil Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik di Hotel Rebana. Majlis ini diadakan bagi melantik Exco PPKE secara rasmi dan meraikan kejayaan serta kecemerlangan pelajar yang mendapat keputusan HPNM 3.50 dan ke atas serta pelajar semester akhir yang mendapat anugerah projek terbaik. Majlis ini dirasmikan oleh Ketua Jabatan kejuruteraan Elektrik, Tn Hj Zainuddin bin Omar. Impak program ini adalah pelajar dapat menerapkan semangat kerjasama dalam menguruskan sesuatu program dan juga dapat mengaplikasikan hasil pembelajaran di Politeknik di dalam program yang telah dijalankan.

## Komuniti Celik ICT




Tempat : Politeknik Kota Bharu (9 Mac 2013)
Peserta : 36 murid Sekolah Kebangsaan Kok Lanas dan
Fasilitator : 36 pelajar AR201 (Komputer)
Objektif : Mempraktik ilmu pengkomputeran yang telah dipelajari di dalam kelas melalui kemahiran asas ICT dan membentuk jalinan kerjasama dengan komuniti luar melalui program khidmat masyarakat.

### Kolaborasi Politeknik Kota Bharu (PKB) Bersama Stesen Satelit Bumi di Lendu, Melaka & Universiti Teknikal Malaysia

Tarikh : 9 Mac 2013
Peserta : 72 orang Diploma Kejuruteraan Elektrik (Komunikasi)-DEP
Objektif : Program ini adalah penting kepada pelajar kerana dapat mendedahkan secara praktikal tentang kaedah penghantaran dan penerimaan isyarat menggunakan satelit.. Disamping itu juga, pelajar turut didedahkan dengan kaedah sebenar penapisan graduan ke universiti terutamanya di Malaysia Technical University Network (MTUN).




### Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh Program DEP (MQA)

Tempat : Politeknik Kota Bharu (20-21 Mac 2013)
Panel Penilai : Pegawai daripada Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Tekonologi Petronas, UTM KL, dan Panel Penilai Agensi Kelayakan Malaysia
Objektif : Mendapatkan status akrediatsi penuh bagi program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)

### Program Kolaborasi PKB bersama Tenaga Nasional Berhad, Tanah Merah

Tempat : Pejabat Pengurus TNB Machang, & Pencawang Agihan Machang (2 Julai 2013)
Peserta : 40 orang pelajar JKE
Objektif : Meningkatkan kefahaman dan pendedahan kepada pelajar secara praktikal tentang pengagihan tenaga elektrik yang dijalankan oleh TNB.





## Seminar Industri JKE Bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kelantan

Tempat : Dewan Al-Ghazali, PKB (9 Julai 2013)
Peserta : 151 orang pelajar JKE
Objektif : Memberi pendedahan kepada pelajar secara langsung dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

## Cintai Alam Sekitar

Tempat : Lata Tembakah, Besut (7 September 2013)
Peserta : 38 orang kelas Softskills DEE 3C, 3 orang pensyarah pengiring JKE
Objektif : Memberi pendedahan kepada pelajar tentang sikap kerjasama antara satu sama lain serta menganalisa keupayaan, sikap dan nilai-nilai murni yang ada dalam diri pelajar

## Kumpulan e-TEAM di KIK Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2013

Tempat : Politeknik Kota Bharu (24 hingga 26 September 2013)
Peserta : 8 orang pensyarah JKE (Pn Fatimah, Pn Rahimah, Pn Muzimah Aida, Pn Sheilani, Pn Norasikin, Pn Nuwairani, En Muda dan En Zainuddin Mat Taib)
Tajuk projek : Easy -ID
Pencapaian : Pingat Emas dan tempat ke 6 keseluruhan Kategori Pengurusan di KIK Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2013



# jabatan KEJURUTERAAN **MEKANIKAL**



## Program Permata Pengubat Rindu Di Rumah Seri Kenangan, Pengkalan Chepa, Kelantan.




Perwakilan Pelajar Mekanikal (PPKM) dengan kerjasama Persatuan Alumni PKB telah mengadakan program 'Permata Pengubat Rindu' pada Ahad, 24 Febuari 2013. Program ini telah mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak pengurusan Rumah Seri Kenangan, Pengkalan Chepa, Kelantan. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar dalam membentuk personaliti, cara berkomunikasi, pengurusan, kepimpinan, penulisan dan penghargaan terhadap etika professional. Di samping itu, program ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara kelompok pelajar dan juga masyarakat luar. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal iaitu Tuan Haji Zaid Bin Noor. Penyampaian cenderamata kepada warga emas dilakukan oleh Presiden Persatuan Alumni PKB iaitu En. Hisham Bin Makhtar. Program ini telah diisi dengan aktiviti gotong royong, Art Draw Walls' PKB, sesi kenal ibapaku dan ibuku serta konsert suara emas.

## Pameran Projek Inovasi Pelajar JKM

Isnin, 25 & 26 Mac 2013, telah berlangsung satu program pameran inovasi pelajar tahun akhir Jabatan Kejuruteraan Mekanikal yang dipersembahkan selama dua hari secara pembentangan pameran di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kota Bharu. Pameran ini diadakan bagi memenuhi kehendak silibus JJ614 (Projek





2) dan J5012 Sebanyak Sembilan puluh tujuh (97) kumpulan projek telah berjaya disiapkan dan dinilai oleh beberapa orang panel yang dilantik. Penilaian akhir projek dijalankan melalui teknik pembelajaran yang mana ia merangkumi konsep pembelajaran secara atas talian yang dikenali sebagai Esolms (e-student oriented learning management system). Ianya dilihat amat membantu dalam mencapai kehendak OBE yang telah bermula dilaksanakan di politeknik Kota Bharu sejak 2007.

### Kursus EDM CNC Machine (Wire Cut Dan Die Sinking)





Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, (JKM) telah mengadakan kursus 'EDM CNC MACHINE'. Kursus ini telah dihadiri seramai lapan orang guru dari Kolej Vokasional Pengkalan Chepa. Kursus ini telah diadakan di Bengkel Pembuatan (CNC) selama dua hari (4 hingga 5 September 2013). Kursus ini telah berjaya membantu guru-guru kolej dalam menguasai teknik pengajaran & pembelajaran di dalam bidang "edm cnc machine". Kursus ini dilihat mampu memenuhi keperluan peningkatan aras profesional guru-guru kolej dalam menguasai bidang baru merangkumi "edmwirecut" dan "edm die sinking" serta dapat memenuhi kehendak bidang tugas dan peningkatan kemahiran guru aliran Teknik & Vokasional.

### Lawatan Akademik Ke Kilang Sawit Felda Kemahang, Tanah Merah, Kelantan

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah mengadakan program lawatan akademik ke kilang sawit Felda Kemahang, Tanah Merah, Kelantan pada 2 September 2013. Lawatan ini telah banyak memberi input positif kepada pelajar dan pensyarah selari dengan objektif lawatan. Pelajar dan pensyarah dapat melihat sendiri gambaran sebenar berkaitan dengan sistem pengurusan penyelenggaraan di kilang tersebut. Pelajar juga dapat melihat dan mengtahui kaedah pemprosesan minyak kelapa sawit dengan lebih jelas. Selain itu, pelajar juga dapat mengenali jenis-jenis peralatan mesin atau komponen yang digunakan di kilang tersebut. Program ini juga disertai oleh Ketua Program Unit Mekanikal AM, iaitu En. Zamzuri bin Arifin serta beberapa orang pensyarah dan pelajar dari kelas DKM 6C/DKM6B.



## Pertandingan Inovasi Dan Rekacipta Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) 2013

Pertandingan Inovasi dan rekacipta telah diadakan di Perpustakaan Awam Kelantan dengan anjuran bersama PPAK dan Petronas Malaysia telah diadakan pada 25 hingga 26 Ogos 2013. Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah menghantar satu produk inovasi bertajuk Pemecah Kulit Ketam yang telah mendapat pingat gangsa dalam pertandingan ini. Produk ini adalah dari kerja berkumpulan Muhammad Azlie bin Amin, Ahmad Syafiq bin Sarputdin dan Mohammad Hazli Khan bin Sultan Khan. Selain itu, empat orang pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal juga telah dipilih untuk menjadi juri profesional pertandingan ini, iaitu Tn Hj Dr Zamri bin Yusoff yang dilantik Ketua Juri profesional pertandingan, En Md Baharuddin bin Abdul Rahman, Tn Hj Ahmad bin Omar dan En Mohd Dahlan Anu bin Md Yusof. Ianya menjadi satu lembaran baru untuk Politeknik, khususnya Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan akan menjadi pemangkin kepada pertandingan inovasi yang akan datang.












## Lawatan Penandarasan Akademik Dan Kolaborasi Ke Ump Dan Kolej Universiti Tatiuc

Program lawatan penandarasan akademik dan kolaborasi ke Universiti Malaysia Pahang (UMP), Pekan dan Kolej Universiti TATIUC telah diadakan pada 27 hingga 28 November 2013 yang melibatkan. seramai 15 orang pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Program lawatan penandarasan akademik dan kolaborasi ini, telah memberi banyak ruang kepada dua-dua pihak untuk menjalinkan hubungan kolaborasi terutamanya dalam mempertingkatkan kerjasama dalam bidang akademik, dan penyelidikan. Kedua-dua pihak berharap jalinan kolaborasi ini akan dapat dipertingkatkan lagi bagi kebaikan kepada dua-dua pihak khasnya pensyarah-pensyarah dan pelajar PKB secara umumnya di masa hadapan.

"EiMARACE Machine 250"

Pasukan PKB Skull Garage telah berjaya mendapat tempat kedua keseluruhan dalam pertandingan Educational Innovation Of Motorsport and Automotive Race (EiMARACE) 2013. Ini adalah satu sukan permotoran, iaitu kejohanan perlumbaan kereta yang dibina hasil dari ciptaan pelajar dengan bimbingan pensyarah yang berasaskan enjin motorsikal. Perlumbaan ini dianjurkan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama oleh Malaysia Japanese Institute of Technology (MJiT) dan disertai oleh IPTA, IPTS serta pusat pengajian teknikal seluruh Malaysia. Pada perlumbaan kali ini melibatkan dua kali perlumbaan iaitu di Litar Maktab Teknik PDRM Muar, Johor pada Disember dan juga Litar Batu Gajah, Perak pada Oktober 2013. Setiap perlumbaan adalah dalam bentuk endurance iaitu 15 pusingan pada setiap pertandingan.








# jabatan PERDAGANGAN

Jabatan Perdagangan merupakan salah satu jabatan akademik yang beriltizam untuk menjadi sebuah jabatan yang unggul dalam melahirkan graduan yang mempunyai nilai keboleh pasaran yang tinggi. Jabatan Perdagangan di pimpin oleh ketua jabatan yang berdedikasi iaitu En. Nasron Bin Omar dan dibantu oleh Penolong Ketua Jabatan, Ketua-ketua Program dan para pensyarah. Bilangan staf pada tahun 2013 adalah seramai 70 orang. Jabatan Perdagangan menawarkan 3 program pengajian di peringkat diploma iaitu Diploma Akauntansi (DAT), Diploma Pengajian Perniagaan (DPM) dan Diploma Pemasaran (DPR).



Sepanjang tahun 2013, Jabatan Perdagangan telah menjalankan pelbagai aktiviti samada melibatkan pelajar dan juga staf. Aktiviti-aktiviti tersebut terdiri daripada seminar, bengkel, lawatan akademik dan industri serta kursus-kursus.



## Pembentangan Di Persidangan Pendidikan ( Penyelidikan Dan Inovasi) Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional 2013 (CiE-TVET 2013) Peringkat Kebangsaan

Persidangan CiE-TVET 2013 bertemakan "Pemerkasaan Penyelidikan & Inovasi ke Arah Transformasi TVET'. Justeru itu beberapa orang pensyarah Jabatan Perdagangan Politeknik Kota Bharu telah berjaya membentangkan penyelidikan mereka. Para pensyarah yang terlibat adalah Muzirawati Md Mustafa, Madiha Hasbullah, Ulaimi Yahya, Noorhanisa Abd. Hamid dan Che Rugayah Che Ismail. Penyelidikan yang dihasilkan merangkumi pelbagai skop seperti isu pendidikan, sosial dan keusahawanan yang memberi impak kepada pembangunan pelajar Politeknik. Persidangan ini telah diadakan di Hotel Permai Kuala Terengganu, Terengganu pada 2-3 Sepember 2013.







## Lawatan Akademik DPM 5B Ke Langkawi dan Perlis

Lawatan akademik merupakan satu proses pembelajaran secara langsung yang dapat memberi pengetahuan dan pengalaman berkaitan keusahawanan dan teknik pengeluaran serta pemasaran produk kepada 30 orang pelajar Diploma Pengajian Perniagaan ( DPM 5B). Lawatan ini telah dilaksanakan pada 21hingga 24 Februari 2013. Antara tempat yang dilawati adalah kilang memproses gamat iaitu Nusantara Maju Enterprise, Atma Alam Batik,Kilang HPA Industries Sdn.Bhd. dan Ladang Demonstrasi Anggur, Perlis.





## Seminar Penyelidikan Zon Timur Politeknik 2013

Jabatan Perdagangan Politeknik Kota Bharu dengan kerjasama Unit Penyelidikan & Inovasi julung-julung kalinya telah berjaya menganjurkan satu seminar penyelidikan yang melibatkan politeknik-politeknik di Zon Timur. Seminar yang bertemakan " Memperkasakan TVET Ke arah Kelestarian Pendidikan" telah diadakan pada 26-27 Jun 2013 bertempat di Hotel Raudhah Kota Bharu, Kelantan. Seramai 49 peserta dari Politeknik Kota Bharu(PKB), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) dan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) telah membentangkan penyelidikan masing-masing. Seminar ini telah berjaya membudayakan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah politeknik.





## Cabaran Catur Bestari Peringkat PKB

Catur Bestari adalah satu permainan berbentuk *business-oriented board game* yang dicipta untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program keusahawanan oleh Johor Corporation. Melalui Catur Bestari, pemain berpeluang memahami nilai-nilai dan aspek berkaitan keusahawanan serta membolehkan mereka berdikari dan merancang strategi berniaga berdasarkan modal, peluang, jaringan dan kerjasama. Pemain juga berpeluang mempelajari aspek pengurusan perniagaan, keusahawanan, kewangan dan kecekapan dalam membuat keputusan serta berdisiplin melalui permainan ini. Selain merebut peluang berniaga, pada masa yang sama pemain turut digalakkan membuat amal kebajikan dalam kehidupan bermasyarakat semasa bermain. Catur Bestari telah diadakan sebanyak dua kali dalam tahun 2013 iaitu pada 30 Mac 2013 dan pada 9 September 2013. Program ini melibatkan semua pelajar yang mengambil kursus Keusahawanan (PB201) merentas empat jabatan akademik.





## Bengkel Simulasi Percukaian – Cukai Pendapatan Individu

Bengkel Simulasi Percukaian merupakan satu inovasi kepada pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar diploma akauntansi yang mengambil kursus Malaysian Taxation 1 & 2. Bengkel ini selari dengan konsep outcome based education (OBE) yang menggalakkan pembelajaran secara self learning. Bengkel dilaksanakan kepada pelajar semester tiga sebagai persediaan untuk menjalani latihan industri dan ia berkonsep coaching di mana pelajar semester 6 akan membantu pelajar semester 3 berkaitan pengetahuan asas mengisi borang cukai. Bengkel ini telah dikendalikan oleh pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Cawangan Kota Bharu, Kelantan iaitu Puan Romainor Mat Nor pada 2 April 2013, bertempat di Dewan Al-Ghazali.





## Seminar “Cek : Tahukah Anda ?”

Seminar “Cek: Tahukah Anda?” merupakan satu program yang dijalankan sebagai langkah memberi pendedahan menyeluruh serta gambaran jelas berkaitan cek selaras dengan silibus Kursus Commercial Law (PB302) dan Undang-undang Komersan (P2114). Penjelasan mengenai konsep-konsep penting dalam cek serta undang-undang berkaitan telah dapat membantu menambah minat pelajar untuk mendalami tajuk ini dan seterusnya membuat perkaitan dengan pengalaman atau pemerhatian mereka dalam kehidupan seharian. Seminar ini telah berlangsung pada 18 Mac 2013, bertempat di Dewan Al-Ghazali. Penceramah jemputan iaitu Puan Kartini Yusoff merupakan Manager Branch Operation Support Regional Office East Coast, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Kelantan.





## Bengkel Promosi dan Keusahawanan

Bengkel Promosi dan Keusahawanan yang berlangsung pada 13 – 14 September 2013 telah diadakan dengan tujuan memberi pendedahan tentang strategi promosi yang berkesan serta meningkatkan pengetahuan dan keyakinan diri peserta berkaitan dunia perniagaan, di samping meningkatkan profesionalisme berkaitan ilmu fotografi dan kompetensi keusahawanan dalam diri peserta. Seramai 40 orang pelajar daripada semester 5, 6 dan pelajar Kelab fotografi yang terlibat di dalam bengkel ini. Penceramah jemputan yang mengendalikan bengkel ini terdiri daripada pengurus Asasjey Sdn Bhd iaitu En. Azrul Hisyam bin Abu Hamad serta pensyarah kanan Jabatan Perdagangan iaitu Tn Hj Mohd Fadzil bin Ahmad dan Pn Nik ‘Azyyati bt Nik Jaafar.













# jabatan MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER

Misi Jabatan Matematik, Sains & Komputer ialah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Matematik, Sains dan Komputer dengan sistematik, realistik dan efektif bagi melahirkan pelajar yang kompeten dan berdaya saing dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan.



Jabatan Matematik, Sains & Komputer bertekad untuk menjadi pusat perkembangan bagi matematik, sains & komputer yang berkesan untuk merealisasikan politeknik sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan pada tahun 2015.

### Aktiviti Kecemerlangan Pelajar

| Program | Tarikh Perlaksanaan | Tempat | Jumlah Peserta |
|---|---|---|---|
| Anda Pasti Hebat | 28 Mac & 4 April 2013 | DK1 & DK2 | Semua Pelajar Mengulang Kursus |
| BB101 Experiment Video Contest | 11 April 2013 | Makmal Sains Kejuruteraan 2 | Semua Pelajar Kejuruteraan Sem 1 |
| e-Science: Jom Lulus | 17 April 2013 | Blok A dan MSK | 100 orang pelajar |
| Program Mentor-Mantik | Sepanjang semester | | Semua Pelajar Lemah BA201 |
| Transformasi Minda: Anda Pasti Hebat | 03-05 Oktober 2013 | Sri Nipah Chalet | 80 Orang Pelajar |
| Smart Use Of Calculator | 10 Disember 2013 | Blok A & B, PKB | SemuaPelajar Kejuruteraan sem 1 |

## Program Anda Pasti Hebat : Buka Mata, Buka Hati, Buka Minda

Program Anda Pasti Hebat merupakan satu program ulang kursus JMSK bagi membakar semangat dan memberi galakan untuk tidak mudah putus asa kepada para pelajar ulang kursus. Program yang berlangsung pada 28 Mac 2013 dan 4 April 2013 ini bertujuan untuk menyedarkan pelajar bagaimana untuk mereka untuk berjaya dengan hebat dalam akademik. Para pelajar yang terpilih untuk mengikuti program ini adalah terdiri daripada pelajar yang sedang mengulang sama ada satu atau lebih kursus di bawah Jabatan Matematik, Sains dan Komputer.





## BB101 Experiment Video Contest

BB101 Experiment Video Contest merupakan pertandingan yang julung kalinya dirancang di Jabatan Matematik Sains dan Komputer. Pertandingan yang diadakan pada 14 April 2013 memberi peluang kepada pelajar untuk menyediakan laporan amali sains kejuruteraan secara berkomputer mengikut kreativiti masing-masing tetapi dalam format laporan amali yang telah diselaraskan. Pertandingan persembahan amali secara berkomputer ini dibuka secara berkumpulan kepada pelajar-pelajar semester 1 Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Eletrikal di Politeknik Kota Bharu.









## Transformasi Minda : Anda Pasti Hebat

Program ini diadakan bagi membakar semangat dan memberi galakan dan juga memberi latih tubi kepada para pelajar ulang kursus JMSK. Seramai 80 orang pelajar berkampung di Sri Nipah Resort, Bachok, Kelantan dari 3 hingga 5 Oktober 2013. Peserta program terdiri daripada pelajar yang sedang mengulang kursus BA201 – Matematik Kejuruteraan 2 dan BA 301 – Matematik Kejuruteraan 3. Program ini bertujuan untuk memperkemaskan lagi persiapan pelajar untuk menghadapi peperiksaan akhir semester.








## Smart Use of Scientific Calculator

Analisa daripada semakan kertas jawapan peperiksaan kursus Sains Kejuruteraan(BB101) dan Matematik Kejuruteraan 1(BA101) didalam peperiksan Akhir semester mendapati bahawa ramai di kalangan pelajar yang tidak dapat menjawab soalan dengan tepat disebabkan tidak mahir menggunakan kalkulator saintifik. Semua pelajar semester satu kejuruteraan diwajibkan menghadiri program yang diadakan pada 10 Disember 2013. Program ini telah berjaya memberi bimbingan dan panduan cara menggunakan kalkulator saintifik dengan cara yang betul.





# jabatan PENGAJIAN **AM**

Jabatan Pengajian Am (JPA) adalah jabatan akademik sokongan yang bertanggungjawab membantu jabatan akademik induk dalam mengendalikan proses pembelajaran dan pengajaran. Jabatan ini terbahagi kepada dua unit iaitu Unit Pendidikan Islam dan Moral serta Unit Bahasa Inggeris. Jabatan ini berpegang kepada misi untuk melahirkan warga Politeknik Kota Bharu serta bakal tenaga kerja separa profesional yang berkeperibadian mulia dengan penerapan nilai-nilai Islam dan moral melalui proses pengajaran dan pembelajaran secara formal atau tidak sekaligus bakal merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara dalam mencapai wawasan yang diidamkan.



Dengan menawarkan kursus-kursus Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Tamadun Islam dan Communicative English 1,2 & 3, JPA berfungsi untuk :

- Melahirkan individu yang berilmu pengetahuan , berketerampilan dan berakhlak mulia serta berkebolehan menggunakan Bahasa Inggeris secara praktikal dan dalam penulisan.
- Memberi pendedahan agama dan moral serta melahirkan tenaga kerja yang berkebolehan, jujur, amanah serta bersahsiah mulia dan berkeperibadian profesional, dan
- Meningkatkan kompetensi komunikasi pelajar dalam Bahasa Inggeris Teknikal dan Perdagangan dalam memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

### Polytechnic's Got Talent 2013

Pada 11-12 Jun 2013,10 orang pelajar daripada Politeknik Kota Bharu telah menyertai pertandingan Polytechnic's Got Talent 2013 yang telah diadakan di Politeknik Ungku Omar. Terdapat beberapa acara yang telah dipertandingkan seperti pertandingan drama Bahasa Inggeris, pidato Bahasa Inggeris, permainan Bahasa Inggeris dan Jambori. Politeknik Kota Bharu telah meraih kedudukan ke- 4 secara keseluruhan daripada 22 buah politeknik dan universiti yang mengambil bahagian. Penyertaan di dalam program seumpama ini telah mampu melahirkan lebih ramai pelajar Politeknik Kota Bharu yang berbakat serta dapat menguasai Bahasa Inggeris dengan lebih baik.

| Institusi | Kedudukan |
|---|---|
| Politeknik Ungku Omar | 1 |
| Politeknik Seberang Prai | 2 |
| Universiti Teknologi Petronas | 3 |
| **Politeknik Kota Bharu** | **4** |
| Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah | 5 |
| Politeknik Metro KL | 6 |
| Politeknik Sultan Ahmad Shah | 7 |
| Politeknik Sultan Azlan Shah | 8 |
| Politeknik Kota Melaka | 9 |
| Politeknik Shah Alam | 10 |
| Politeknik Banting Selangor | 11 |
| Politeknik Ibrahim Sultan | 12 |
| Politeknik Merlimau Melaka | 13 |
| Hadyai Technical College and Pattani Technical College | 14 |
| Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin | 15 |
| Politeknik Hulu Terengganu | 16 |
| Politeknik Muadzam Shah | 17 |
| Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah | 18 |
| Politeknik Mersing Johor | 19 |
| Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin | 20 |






Pertandingan Debat & Pidato Bahasa Melayu Politeknik Malaysia Siri 2/2013

Pertandingan Debat & Pidato Bahasa Melayu telah dianjurkan bagi memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu ke peringkat yang lebih tinggi. Pasukan Politeknik Kota Bharu telah diwakili oleh 4 orang pelajar bagi pertandingan debat dan seorang pelajar telah menyertai pertandingan pidato. Pertandingan ini telah berlangsung pada 27-30 September 2013 di Politeknik Merlimau Melaka. Saudari Nurul Akmal bt Ramli

telah berjaya meraih tempat ketiga daripada keseluruhan 26 peserta yang mengambil bahagian dari 26 buah politeknik yang bertanding bagi kategori pidato. Manakala pendebat dari pasukan Politeknik Kota Bharu, Onn Mahathir bin Md Nasir telah disenaraikan sebagai pendebat terbaik ke 4 daripada keseluruhan 90 orang pendebat yang mengambil bahagian.




## Ceramah Keajaiban Al-Quran

Pada 2 Januari 2013 bertempat di Dewan Jubli Perak, telah berlangsungnya Ceramah Keajaiban Al-Quran yang mana disertai oleh semua pelajar semester satu Politeknik Kota Bharu. Ceramah ini disampaikan oleh penceramah jemputan Prof.Dr Mohd Arip Kasmo daripada Pusat Pengajian Umum Universitii Kebangsaan Malaysia. Objektif kursus adalah untuk meningkatkan rasa cinta dan pemahaman pelajar terhadap Al-Quran dan mengungkapkan sains di sebalik ayat-ayat Al-Quran.

## Storytelling Competition

Domain jangkaan yang diperolehi dari program ini adalah pengetahuan, nilai, sikap dan profesionalisme serta kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan. Kumpulan sasaran peserta adalah pelajar-pelajar semester satu Politeknik Kota Bharu. Melalui pertandingan ini, para peserta dapat mengembangkan potensi diri serta menonjolkan bakat dalam penguasaan Bahasa Inggeris. Selain itu, para peserta dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan mengaplikasikan kreativiti bagi menghasilkan sebuah cerita yang lebih menarik.




## Seminar Tamadun Islam

Seminar Tamadun Islam yang bertajuk "Tamadun Islam Masakini" telah berlangsung pada 21 Februari 2013 di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kota Bharu dibawah anjuran Jabatan Pengajian Am dengan kerjasama Unit Psikologi dan Kaunseling. Seminar ini disertai oleh para pelajar daripada Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail dan Politeknik Kota Bharu. Objektif seminar ini adalah untuk memberi kesedaran kepada pelajar tentang tanggungjawab dan peranan dalam memperkasakan jatidiri mengikut landasan Islam.

## Program Penghayatan Solat

Para pelajar semester 1 Politeknik Kota Bharu telah mengikuti Program Penghayatan Solat pada 14 Mac 2013. Objektif program adalah untuk menyedarkan pelajar kepentingan solat dalam kehidupan, mengaplikasikan solat dengan sempurna serta memupuk semangat solat berjemaah di kalangan peserta.

## Program "Solat Hajat dan Dhuha : Perintis Kecemerlangan"

Program yang julung kali dilaksanakan oleh Unit Pendidikan Islam yang menggabungkan solat hajat, Dhuha dan ceramah motivasi pagi telah berjaya dijalankan pada 3 Oktober 2013. Program ini diadakan di Dewan Jubli Perak dengan disertai oleh 170 pelajar Jabatan Perdagangan yang mengambill kursus AA210. Objektif utama program adalah untuk menggalakkan pelajar mempraktikkan pelaksanaan solat sunat, selain menyedarkan pelajar tentang kehebatan setiap kerja dan kerjaya dalam skop Islam.







# jabatan HAL EHWAL PELAJAR



## Pendaftaran Pelajar Baru

Pendaftaran Pelajar Baru Sesi Jun 2013 telah diadakan pada 16 Jun 2013 di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kota Bharu. Seramai 1,530 orang pelajar telah hadir untuk mendaftarkan diri sebagai pelajar PKB. Sesi pendaftaran berjalan lancar dengan bantuan semua staf PKB dan juga dibantu oleh AJK pelajar yang mengendalikan Minggu Suaikenal.

## Jamboree Taha@U Zon Timur

Pada 18 – 20 Oktober 2013 seramai 20 orang ahli kelab Taha@u pkb menyertai Jamboree Taha@u zon timur di Felda Tekam Jengka, Pahang. Aktiviti yang dilaksanakan adalah Aktiviti outdoor dan pengisian kerohanian. Antara aktiviti outdoor yang dijalankan adalah seperti Jungle Trekking dan Flying Fox. Aktiviti kerohanian pula adalah seperti pengurusan jenazah, munakahat dan sebagainya.

## Program Outreach 2013

Program Outreach yang diadakan di Terengganu Sempena Merdeka Cycling Tour 2013. Pelajar yang datang pada program outreach ini akan dapat mengisi borang kemasukan ke Politeknik tanpa perlu membeli nombor pin.

## Cook-4U : Penyediaan Bubur Asyura

Gotong-royong memasak bubur asyura selama lebih tujuh jam yang telah diadakan pada 5 Disember 2013 membantu mengeratkan lagi silaturahim dan mewujudkan semangat kerjasama yang tinggi di antara

Sukarelawan 1 Malaysia for Youth (iM4U) Politeknik Kota Bharu (PKB) dan Persatuan Belia Kampung Hutan Pasir (PB-KHP) di Hutan Pasir, Ketereh, Kelantan.

## Aktiviti-Aktiviti Lain

- Penyerahan Baucar Buku 1 Malaysia oleh YB. Datuk Hj. Md. Alwi bin Che Ahmad (Adun Kok Lanas) (28 Januari 2013)
- Program Rakan Muda Wawasan Desa IPT 2013 (28 September 2013)
- Program Memodenisasikan Komuniti Orang Asli Rompin (19 – 22 September 2013)
- Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Politeknik (AKEPP) 2013 (5 Oktober 2013)
- PKB menghantar 4 orang peserta ke Program CSR di Pulau Tioman (7 – 10 November 2013)
- Karnival Futsal TaHa@U 2013 peringkat Negeri Kelantan (25 Disember 2013)
- Sukarelawan iM4U PKB bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Kuala Krai bantu mangsa banjir di SMK Manik Urai (6 Disember 2013)















# unit PEPERIKSAAN

Unit Peperiksaan merupakan sebuah Unit Sokongan Akademik yang terletak di bawah penyeliaan Timbalan Pengarah Akademik. Fungsi utama Unit Peperiksaan adalah untuk merancang, mengurus dan melaksanakan segala aktiviti yang berkaitan dengan penyelarasan dan mengendalikan segala urusan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti peperiksaan dan persijilan serta penilaian pelajar berpandukan kepada garis panduan dan peraturan penilaian yang telah ditetapkan.

Jabatan akademik di Politeknik Kota Bharu adalah terdiri dari empat jabatan induk dan dua jabatan sokongan. Jabatan induk di PKB ialah Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dan Jabatan Perdagangan (JP). Manakala dua jabatan sokongan ialah Jabatan Matematik, Sains, dan Komputer (JMSK), dan Jabatan Pengajian Am (JPA).

JKA menawarkan dua program iaitu Dip. Kej. Awam (DKA), Diploma Ukur Bahan (DUB), dan Sijil Ukur Bahan (SUB). JKE pula menawarkan empat program iaitu Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (DEE), Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)(DEP), Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET), dan Diploma Kejuruteraan Elektronik (DKE). JKM juga menawarkan empat program iaitu Diploma Kejuteraan Mekanikal (Automotif)(DAD), Diploma Kejuruteaan Mekatronik (DEM), Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM), dan Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pertanian)(DPT). Manakala JP menawarkan empat program iaitu Diploma Perakaunan (DAT), Diploma Pengajian Perniagaan (Pengurusan)(DPM), dan Diploma Pemasaran (DPR).

Keputusan peperiksaan dan penilaian di dalam sistem politeknik adalah dikategorikan kepada tiga jenis keputusan iaitu Kedudukan Baik (KB), Kedudukan Bersyarat (KS) dan Gagal Berhenti (GB). Bagi pelajar yang memperolehi keputusan KB atau KS, pelajar layak meneruskan pengajian, manakala pelajar yang mendapat keputusan GB adalah tidak lagi boleh meneruskan pengajian di politeknik. Walaubagaimanapun pelajar GB masih boleh mengemukakan rayuan dalam masa DUA (2) minggu dari tarikh rasmi keputusan.



# unit KOKURIKULUM



Objektif Unit Kokurikulum ialah menguruskan Kokurikulum pelajar dengan terancang dan sistematik bagi memastikan aktiviti kokurikulum dilaksanakan mengikut Jadual Penyelarasan FRP, kehadiran pelajar dalam aktiviti kokurikulum melebihi 90%, dan memastikan lebih daripada 95% pelajar lulus dalam penilaian aktiviti kokurikulum. Unit Kokurikulum mensasarkan lebih ramai pelajar yang cemerlang dalam kokurikulum disemua peringkat.

## Kursus Asas Jurulatih Kawad Kaki

Kursus Asas Jurulatih Kawad Kaki anjuran Unit Kokurikulum dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) telah berlangsung pada 05/02/2013 . Kursus ini diadakan untuk pensyarah modul kokurikulum AR201 dan AR101 bagi meningkatkan keyakinan para pensyarah untuk mengajar kawad kaki kepada pelajar pada masa akan datang. Kursus kawad kaki yang bermula pada jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Padang Bola Utama PKB ini telah dikendalikan oleh tiga orang jurulatih kawad jemputan dari Rejimen 506 Askar Wataniah, Kem Pengkalan Chepa.

## International Entrepreneur di Hang Zhou China

Pada 1 Mac hingga 5 Mac 2013, Unit Kokurikulum telah mengadakan lawatan International Entrepreneur ke Hang Zhou, China. Lawatan ini disertai oleh 10 orang pelajar di iringi pensyarah dan juga Pengarah Politeknik Kota Bharu, Tuan Haji Noor Azahan bin Othman.






Rombongan keusahawanan ini telah mendapat bimbingan langsung daripada Hj Mohamad Khir Bin Abdul Razak, Pengarah Urusan Exacmust (M) Sdn Bhd. Tujuan lawatan ini adalah bagi membuka minda para pelajar untuk terjun ke medan perniagaan yang sebenar. Hasilnya, para pelajar dapat mempelajari teknik perniagaan yang baik, kualiti barangan daripada Hang Zhou China dan teknik perletakan harga. Malahan, para peserta aktif dalam aktiviti keusahawanan sekembalinya dari Hang Zhou China dengan menyertai Karnival Jualan Konvokesyen PKB, perletakan barang niaga di kiosk – kiosk PKB serta jualan langsung kepada para pelajar dan staf PKB.

### Program Pertolongan Cemas di PKB

Program Pertolongan Cemas AR101 (Polibriged) telah diadakan kepada semua pelajar semester satu pada 26/03/2013. Program ini diadakan bagi memberi kesedaran kepada para peserta tentang kepentingan pertolongan cemas serta melatih peserta tentang teknik – teknik yang betul dalam pertolongan cemas. Ceramah dan demonstrasi ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan khas dari Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM). Dengan adanya program ini , ia dapat memberi pendedahan kepada peserta tentang kepentingan aspek rawatan awal serta memupuk keyakinan diri peserta berhadapan dengan situasi kecemasan.





### Program Pencegahan Kebakaran di PKB

Program Keselamatan dan Pencegahan Kebakaran bagi Kursus AR101 (Polibriged) telah diadakan pada

19 Mac dan 20 Ogos 2013 kepada semua pelajar semester satu dan juga staf di bangunan pentadbiran. Program ini diadakan bagi memberi kesedaran kepada para peserta tentang keselamatan diri semasa kebakaran, kepentingan bertindak pantas serta teknik pengendalian alat pemadam kebakaran yang betul. Taklimat dan demonstrasi pemadaman kebakaran telah disampaikan oleh Ketua Balai Bomba Ketereh, En Wan Ngah bin Wan Long. Satu demonstrasi pengendalian kebakaran secara amali turut diadakan bagi melatih peserta tentang teknik betul menggunakan alatan pemadam kebakaran.

### Kem Kepimpinan Pelajar di D'Lagoon Pulau Perhentian

Seramai 40 orang pelajar semester satu Politeknik Kota Bharu (PKB) telah terpilih menyertai Kem Kepimpinan Pelajar Kokurikulum PKB Sesi Jun 2013 yang berlangsung selama 3 hari 2 malam di D'Lagoon Perhentian Island, Terengganu. Kem ini bertujuan mendedahkan peserta berkaitan kemahiran asas pengendalian sesebuah kelab / persatuan. Kesemua peserta yang terlibat akan terus dilantik sebagai Pengerusi kelab / persatuan AR201. Pelbagai aktiviti seperti ice breaking, perkhemahan, ikhtiar hidup, ceramah kepimpinan, latihan dalam kumpulan (LDK) telah diadakan sepanjang kem berlangsung. Kem ini telah dirasmikan oleh Ketua Unit Kokurikulum iaitu En Udom a/l Ewon.






### Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela (APMS)

Seramai 76 orang pelajar PKB yang menyertai Pasukan Askar Wataniah telah mengikuti Kursus Asas Perajurit Muda siri 2/2013 bermula 10 mei - 08 Jun 2013 bertempat di Pusat Latihan Rejimen 506 Askar Wataniah, Kem Sungai Durian, Kuala Krai Kelantan.



Kursus selama 30 hari ini telah menerapkan semangat ketenteraan yang meliputi pelajaran teori umum ketenteraan, kawad kaki, latihan medan, asas menembak dan acara sukan antara platun. Pelajar PKB telah memenangi anugerah bagi 5 kategori yang dipertandingkan iaitu Penembak Terbaik : Mohamad Shahiran bin Awang (DEP2B), Kawad Wanita Terbaik : Noor Shazwani bt Zainol Abidin (DPT1B) , Kawad Lelaki Terbaik : Az-Aiman Fariq bin Mat Saat (DEB2B), Akademik Terbaik : Nur Fazreen Azera bt Ahmad Fazil (DPR2A) dan Penuntut Keseluruhan Terbaik : Shazwani bt Zainol Abidin (DPT1B). Majlis Penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Komander Rejimen 506 AW pada 5 jun 2013. Kursus ini telah berjaya melatih para peserta dengan semangat kerjasama, setiakawan, berdisiplin, ketahanan mental dan fizikal serta meningkatkan tahap kecerdasan jasmani agar mereka mampu melaksanakan tugas di dalam situasi yang mencabar dan tertekan serta lebih bersemangat untuk menjadi pelajar yang cemerlang.

## Kursus Marshall Paintball di Pusat Kokurikulum PKB

Pada 08 – 09 Oktober 2013, Seramai 10 orang pelajar PKB telah terpilih untuk mengikuti Kursus Marshall Paintball bertempat di Pusat Kokurikulum PKB. Para pelajar yang mengikuti kursus ini dapat mengaplikasikan teori yang dipelajari di dalam kelas untuk dipraktikkan di gelanggang paintball yang sebenar. Peserta lebih berkeyakinan untuk menjadi pengadil atau marshall setelah diberi tunjuk ajar oleh jurulatih yang bertauliah. Kesemua pelajar yang menyertai kursus ini telah lulus Kursus Kepengadilan Paintball oleh (Persatuan Paintball Malaysia) MY-NPL tahap 1 & 2.






## Perbarisan Konvokesyen PKB 2013

Kelab Askar Wataniah telah diberi tanggungjawab untuk Perbarisan bersenjata bagi mengiringi VVIP semasa Konvokesyen PKB kali ke 26 yang berlangsung pada 08 April hingga 11 April 2013. Seorang Pegawai dan 35 anggota telah menyertai perbarisan sambutan ini dibawah pimpinan Kapten Mohd Azri bin Abdul Ghani.

## Khemah Tahunan Askar Wataniah Politeknik Malaysia (MalPTAAC 8)]

Kelab Askar Politeknik Kota Bharu telah menyertai Khemah Tahunan Askar Wataniah Politeknik Malaysia (MalPTAAC 8) yang berlangsung di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang selama dua minggu iaitu dari 06 November hingga 20 November 2013. Dalam perkhemahan ini PKB telah berjaya menjadi naib juara pertandingan kawad kaki. Seramai 32 orang anggota dan 3 orang pegawai PKB telah menyertai kem ini dengan dibantu oleh jurulatih dari Rejimen 506 Askar Wataniah.


PERBARISAN PENUTUP
KURSUS ASAS PERAJURIT MUDA SUKARELA
SIRI 2/2013
REJIMEN 506 ASKAR WATANIAH
05 JUN 2013








POLYTECHNIC
VISION
To Be Malaysia's Number One Provider
Of Innovative Human Capital Through
Transformation Education And Training
For The Global Workforce By 2015





# unit PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI

Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) merupakan salah satu unit akademik yang bertanggungjawab untuk melaksanakan semua urusan dan aktiviti berkaitan latihan industri pelajar. Program latihan industri merupakan sebahagian daripada syarat kurikulum politeknik yang mesti dipenuhi oleh semua pelajar sebelum mereka dianugerahkan diploma.



Sebelum menjalani latihan industri, pelajar disyaratkan lulus kursus soft skills selain memperoleh kedudukan baik (KB) atau Kedudukan Bersyarat (KS) dalam peperiksaan semester sebelumnya dengan mencapai jumlah Jam Kreadit terkumpul sekurang-kurangnya 42 bagi program diploma.

UPLI sentiasa berusaha memastikan semua pelajar yang layak menjalani latihan industri berjaya ditempatkan di organisasi latihan, mengurus semua aktiviti berkaitan latihan industri pelajar berdasarkan prosedur atau peraturan yang sedang berkuatkuasa dan memastikan hubungan baik politeknik – industri dapat dikekalkan dan seterusnya dipertingkatkan.

Selepas menamatkan latihan industri, pelajar diharap dapat mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan di tempat kerja, berkomunikasi dengan berkesan dalam pelbagai peringkat, mempraktikkan kemahiran social dan mengamalkan kerjasama berpasukan, mematuhi keperluan polisi, prosedur dan juga peraturan organisasi secara professional dan beretika, dan menerangkan tugas-tugas yang diberikan semasa Latihan Industri mengikut format yang ditetapkan.

### Taklimat Keperluan Industri

Taklimat Latihan Industri merupakan taklimat yang disampaikan kepada para pelajar semester 3 yang bakal menjalani latihan industri. Taklimat latihan industri ini bertujuan memberi panduan kepada pelajar berkenaan pendaftaran kursus, prosedur pemilihan dan pemohonan tempat latihan industri, kesesuaian tempat latihan industri mengikut program pengajian serta peraturan dan disiplin semasa menjalani latihan industri.

Sempena taklimat latihan industri kepada pelajar, Unit Latihan Industri telah menjemput wakil daripada industri bagi menyampaikan sedikit perkongsian ilmu berkenaan keperluan industri terhadap pelajar politeknik.

Bagi tahun 2013 Unit Latihan Industri, PKB telah menjemput wakil dari Jurutera Perunding Zakie (Ir. Tn. Hj. Mohamad Zaki bin Mat) dan wakli Telekom Malaysia Berhad (En.Ghazali bin daud) bagi menyampaikan taklimat keperluan industri kepada pelajar PKB.















### Pemantauan Latihan Industri Secara ZONING

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil 7/2008 iaitu Amalan Perbelanjaan Berhemah, Unit Latihan Industri PKB menyambut baik perlaksanaan pemantauan latihan industri secara ZONING. Bermula dari sesi JUN 2013, Unit Latihan Industri PKB telah melaksanakan pemantauan latihan industri secara ZONING 100%. Di mana seramai 572 orang pelajar PKB  yang menjalani latihan industri yang melibatkan 363 bilangan syarikat di serata negeri telah dipantau 100%  mengunakan kaedah pemantuan secara ZONING.

# unit PERPUSTAKAAN

Sepanjang tahun 2013 telah menyaksikan Perpustakaan PKB bergerak pantas dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti, khususnya kepada pelajar dan staf. Program galakan membaca merupakan fokus utama perpustakaan dalam menerapkan budaya membaca dan meningkatkan penggunaan perpustakaan di kalangan warga. Penyertaan pelajar dalam kelab Rakan Pustaka adalah amat menggalakkan.



Penggunaan Sistem Perpustakaan Bersepadu - KOHA, yang telah mula di gunapakai sejak 2010 telah meningkatkan keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna. Sebanyak 2,446 naskhah bahan telah dimasukkan ke dalam sistem KOHA sepanjang tahun lepas. Ini menjadikan jumlah keseluruhan yang telah dimasukkan ke dalam sistem ini sebanyak 31,932.



## Staf

Perpustakaan PKB beroperasi dengan kapasiti staf seramai 9 orang iaitu :

| Bil. | Nama Pegawai | Jawatan | Gred |
|---|---|---|---|
| 1. | Kasuma Dewi Said | Ketua Unit | S44 |
| 2. | Noormey Mohd Nor | Pustakawan | S41 |
| 3. | Mohamad Azwar Junoh | Penolong Pegawai Perpustakaan | S32 |
| 4. | Noorizatul Akmal Mohd. Noor | Pembantu Perpustakaan | S17 |
| 5. | Mohd. Noraidi Jaafar | Pembantu Perpustakaan | S17 |
| 6. | Elahan Che Bakar | Pembantu Perpustakaan | S17 |
| 7. | Mimi Afida Che Mansor | Pembantu Perpustakaan | S17 |
| 8. | Nurul Fatihah Ibrahim | Pembantu Perpustakaan | S17 |
| 9. | Juhizan Jopely | Pembantu Perpustakaan | S17 |

## Lawatan ke Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam dan Pesta Buku 1Malaysia di PWTC

Seramai 5 orang pegawai dan 29 pelajar Kelab Rakan Pustaka telah berpeluang mengadakan lawatan ke Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam dan Pesta Buku 1Malaysia, PWTC pada 1 hingga 2 Februari 2013. Selain daripada dua tempat tersebut, ahli rombongan juga telah melawat ke iCity, Shah Alam.

Objektif lawatan ini diadakan adalah untuk memupuk minat membaca dikalangan pelajar dengan menggalakkan pelajar untuk berkunjung ke perpustakaan. Selain daripada itu program sebegini dapat menggalakkan pelajar bersosial dengan cara yang sihat di samping dapat meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar sekali gus dapat menaikkan sahsiah diri pelajar.







## Program Gerak Baca di Tadika Cilik

Pada 6 Februari 2013, Perpustakaan PKB dengan kerjasama Kelab Rakan Pustaka telah mengadakan satu aktiviti bersama kanak-kanak Tadika Cilik, PKB. Seramai 7 orang ahli Kelab Rakan Pustaka beserta 28 orang kanak-kanak berumur 4 – 6 tahun telah terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.

Antara pengisian program termasuklah senaman ringan diawal program, teka nombor dan abjad, teka gambar, sesi mewarna, sesi bercerita, tayangan video dan akhir sekali nursery rhymes. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk menarik minat kanak-kanak terutamanya peringkat umur 4 – 6 tahun untuk membaca sekaligus dapat merapatkan lagi hubungan antara perpustakaan dengan golongan kanak-kanak. Selain daripada itu, dengan adanya program sebegini dengan secara tidak langsungnya dapat melatih pelajar untuk mengelolakan program bercorak kemasyarakatan dan dapat membina keyakinan diri pelajar untuk berinteraksi dengan masyarakat.



## Bengkel Pencarian Maklumat Berkualiti di Internet

Pada 13 Jun 2013, Perpustakaan PKB telah menganjurkan Bengkel Pencarian Maklumat Berkualiti di Internet bertempat di Makmal GCL 7, Politeknik Kota Bharu. Seramai 38 staf dari pelbagai jabatan telah menyertai bengkel tersebut. Bengkel yang diadakan ini mampu memberikan sedikit pendedahan bagi meningkatkan kemahiran mencari maklumat di Internet oleh staf bagi membantu mereka dalam penyediaan bahan sebagai alat bantu mengajar. Antara pengisian program termasuklah pencarian maklumat melalui Portal MyLib, Google Scholar, Google Map, Google eBook dan juga Web Opac PKB.





Program LIBRARY MONTH Perpustakaan PKB

Perpustakaan Politeknik Kota Bharu telah mengadakan Library Month selama sebulan iaitu pada bulan September 2013. Pelbagai aktiviti telah dirancang untuk pengisian program tersebut termasuklah : -

| Tarikh | Aktiviti |
|---|---|
| 1- 5 Sep 13 | **Pertandingan Teka Silangkata**<br>Disediakan dengan 2/3 set soalan yang berlainan. Soalan merangkumi pengetahuan am, isu semasa, tajuk serta pengarang buku yang terdapat diperpustakaan dan soalan – soalan akademik setiap jabatan akademik di PKB |
| 8-12 Sep 13 | **Pertandingan Sudoku**<br>Disediakan dengan 3 set soalan yang berlainan. |
| 15-19 Sep 13 | **Info Hunt**<br>Disediakan dengan 2 set soalan yang berlainan. Setiap set mempunyai 10 soalan. Soalan merangkumi pengetahuan am, isu semasa, tajuk serta pengarang buku yang terdapat di perpustakaan dan soalan-soalan akademik. Peserta dikehendak menjawab soalan dengan mencari jawapan serta merujuk sumber yang terdapat di Perpustakaan PKB Sahaja. |
| 22 – 26 Sep 13 | **Teka Jumlah Buku**<br>Setiap peserta dikehendaki meneka jumlah bilangan buku yang terdapat pada rak buku yang dikhaskan untuk pertandingan tersebut. |
| 1 – 30 Sep 13 | **Peminjam Bertuah**<br>Setiap peminjam buku akan menerima satu slip cabutan bertuah. Cabutan akan dibuat pada 30/9/13 untuk memilih peminjam buku yang bertuah |
| 1 – 30 Sep 13 | **Promosi Perpustakaan Pkb Dengan Pemakaian T-Shirt "I Love PKB Library"**<br>Semua ahli KRP diwajibkan memakai T-Shirt I Love PKB Library pada setiap hari Khamis selama sebulan |
| 1 Sep – 30 Okt 13 | **Peminjam Tertinggi Bulanan**<br>Peminjam tertinggi bagi setiap bulan akan dinobatkan sebagai pemenang peminjam tertinggi bulanan |
| 1 – 30 Sep 13 | **Pertandingan Fotografi Gelagat Membaca**<br>Pemenang akan dipilih berdasarkan gambar yang dihantar menggambarkan gelagat membaca yang paling kreatif dan teknik fotografi yang baik |
| 1 – 30 Sep 13 | **Kuiz Pencarian Maklumat**<br>Peserta perlu menjawab soalan kuiz berdasarkan jawapan yang dicari melalui internet |

Program sebegini merupakan salah satu usaha bagi mendekati pelajar untuk menarik minat suka ke perpustakaan. Selain daripada itu ianya juga dapat menggalakkan pelajar untuk mengunjungi perpustakaan dengan lebih kerap dan sekali gus dapat meningkatkan jumlah pengunjung ke perpustakaan.














Aktiviti – aktiviti Lain

| Bil. | Program/Aktiviti | Tempat | Tarikh | Jumlah Peserta |
|---|---|---|---|---|
| | | JANUARI | | |
| 1. | Pertandingan Fotografi Gelagat Membaca | Perpustakaan PKB | 1-3 Jan 2013 | 30 orang |
| 2. | Aktiviti Pertandingan Bowling Terbuka KRP | KB Mall, Kota Bharu | 19 Jan 2013 | 178 orang |
| 3. | Sesi Demonstrasi G Café Kepada Kumpulan KRP | G Café, PKB | 20-23 Jan 2013 | 35 orang |
| 4. | Bengkel Sistem Web Opac – Melibatkan Pelajar Jabatan Perdagangan PKB | Makmal Komputer GCL 7 PKB | 27-28 Jan 2013 | 40 orang |
| | | FEBRUARI | | |
| 5. | Karnival Jualan Buku | Foyer, Perpustakaan PKB | 3 - 7 Feb 2013 | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6. | Lawatan Penandaras Kakitangan Politeknik Sultan Idris Shah ke Perpustakaan PKB | Perpustakaan PKB | 14 Feb 2013 | 16 orang |
| 7. | Lawatan Pelajar UiTM ke Perpustakaan PKB | Perpustakaan PKB | 18 Feb 2013 | 3 orang |
| 8. | Taklimat UBIQUITOUS LIBRARY (U-Pustaka)<br>Penceramah : Prof. Indahsah Hj Sidek<br>Penyertaan : Ketua Jabatan/Ketua Unit/ Kakitangan dan Pelajar KRP | BilikIbnuSina | 19 Feb 2013 | 30 orang |
| 9. | Penyampaian Hadiah untuk Pemenang Pertandingan Fotografi Gelagat Membaca – 3 orang pemenang. | Perpustakaan PKB | 26 Feb 2013 | - |
| MAC | | | | |
| 10. | Makan Malam Kelab Rakan Pustaka (KRP) - Melibatkan Kakitangan Perpustakaan dan Ahli KRP | Chincun, Food Village Restaurant | 13 Mac 2013 | 35 orang |
| APRIL | | | | |
| 11. | Lawatan Sambil Belajar pelajar Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka | Perpustakaan PKB | 2 Apr 2013 | 32 orang |
| 12. | Lawatan Sambil Belajar pelajar SMK Putri Saadong<br>Tujuan lawatan : Untuk mendapat pengetahuan dan pengalaman belajar di Politeknik. | Perpustakaan PKB | 24 Apr 2013 | 69 orang |
| 13. | Lawatan Sambil Belajar pelajar SMK Panji | Perpustakaan PKB | 25 Apr 2013 | 106 orang |
| 14. | Majlis Penghargaan Kakitangan & Perpisahan Ahli KRP | Bilik Ibnu Sina, Perpustakaan PKB | 28 Apr 2013 | 44 orang |
| JUN | | | | |
| 15. | Taklimat Perpustakaan kepada Pelajar Baru | Perpustakaan PKB | 23, 24, 26 & 27 Jun 2013 | 1600 orang |
| 16. | Lawatan Sambil Belajar pelajar SMK Pengkalan Chepa 1 | Perpustakaan PKB | 2 Jul 2013 | 37 orang |
| 17. | Pertandingan Menghias Perpustakaan | Perpustakaan PKB | 21-1 Ogos 2013 | 44 orang |
| OGOS | | | | |
| 18. | Peminjam Buku Tertinggi Bulan Ogos (Kakitangan) | Perpustakaan PKB | 1 bulan | - |
| SEPTEMBER | | | | |
| 19. | Jamuan Hari Raya Kelab Rakan Pustaka (KRP) Bersama Pengarah PKB | Bilik Sri Mawar, PKB | 3 Sep 2013 | 44 orang |
| 20. | Peminjam Buku Tertinggi Bulan September (Kakitangan) | Perpustakaan PKB | 1 bulan | - |
| 21. | Program Kem Ilmu Maklumat & Keusahawanan KRP | Hotel YT Midtown, Kuala Terengganu, Terengganu | 6-7 Sep 2012 | 31 orang |
| 22. | Lawatan Penandarasan dari Perpustakaan UiTM, Machang. | Perpustakaan PKB | 12 Sep 2013 | 9 orang |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| OKTOBER | | | | |
| 23. | Majlis Hari Jadi Kakitangan Perpustakaan & Ahli Kelab Rakan Pustaka (KRP) | KFC KokLanas | 3 Okt 2013 | 44 orang |
| 24. | Peminjam Buku Tertinggi Bulan Oktober 2013 ( Kakitangan) | Perpustakaan PKB | 1 bulan | - |
| 25. | Majlis Penyampaian Hadiah kepada pemenang untuk Pertandingan Library Month | Perpustakaan PKB | 9 Okt 2013 | - |
| 26. | Majlis Perpisahan Pelajar Kelab Rakan Pustaka (KRP) | KFC Kok Lanas | 31 Okt 2013 | 11 orang |
| NOVEMBER | | | | |
| 27. | Peminjam Buku Tertinggi Bulan November 2013 (Kakitangan) | Perpustakaan PKB | 1 bulan | - |
| 28. | Lawatan Penandaras dari Kakitangan Perpustakaan Kolej Matrikulasi Kok Lanas | Perpustakaan PKB | 19 Nov 2013 | 4 orang |
| 29. | Lawatan Penandaras dari Kakitangan Perpustakaan Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan. | Perpustakaan PKB | 26 Nov 2013 | 6 orang |
| DISEMBER | | | | |
| 30. | Taklimat Perpustakaan kepada Pelajar Baru | Perpustakaan PKB | 1 Dis 2013 | 450 orang |
| 31. | Peminjam Buku Tertinggi Bulan Disember 2013 (Kakitangan) | Perpustakaan PKB | 1 bulan | |

-



# unit PEMBANGUNAN INSTRUKSIONAL & MULTIMEDIA



Memberi perkhidmatan yang efektif berkaitan penggunaan peralatan alat pandang dengar (APD), multimedia dan fotografi kepada staf dan pelajar untuk melancarkan perlaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Selain daripada itu terlibat secara aktif dalam siaraya, rakaman video dan gambar (fotografi), PA Sistem, TV, video, kemudahan elektrik, closed circuit TV (CCTV), dan dipertanggunjawabkan menjaga sebahagian besar peralatan yang digunakan untuk kerja-kerja berkaitan seperti peralatan kamera audio visual dan kamera video, LCD Projektor dan seumpamanya. Pegawai UIDM juga dibantu beberapa krew yang dipilih dari kalangan pelajar-pelajar Jabatan Kejuteraan Elektrik PKB, Unit ini juga memberi pinjaman peralatan serta menawarkan tenaga kerja dalam menjalankan tugas-tugas berkaitan pengendalian peralatan serta memastikan kelancaran majlis atau program berkaitan termasuklah majlis konvokesyen, seminar-seminar dan persidangan anjuran PKB.

## Aktiviti

Sepanjang tahun 2013, UIDM telah terlibat dalam lebih dari 100 program PKB. Unit ini telah terlibat dalam semua aktiviti tahunan PKB seperti minggu suaikenal, majlis konvokesyen, derma darah, perhimpunan bulanan, seminar, ceramah dan pelbagai program anjuran PKB. Program-program tersebut memerlukan semua anggota unit turun padang, terutamanya sebagai AJK Siaraya dan Multimedia. Selain daripada aktiviti tetap tahunan PKB, pada tahun 2013 Unit ini turut menganjurkan bengkel untuk anggota unit iaitu

bengkel Pengurusan Fail dan Rekod pada 28-30 April 2013 dan bengkel Pengurusan Aset pada 22-23 Mei 2013 bertempat di bilik mesyuarat UIDM.

Unit ini juga telah berjaya mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang fotografi apabila penubuhan kelab Fotografi dan Multimedia tahun sebelumnya telah bergerak aktif di bawah bimbingan pagawai-pegawai UIDM sehingga ke hari ini.


















# unit SISTEM & TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit Sistem Teknologi Maklumat atau lebih dikenali dengan USTM adalah unit yang menyokong aktiviti pembelajaran dan pengajaran dan sekali gus menyediakan prasarana dan kemudahan ICT di Politeknik Kota Bharu. Objektif utama unit ini adalah untuk memberi perkhidmatan ICT untuk aktiviti pengurusan, pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Kota Bharu. Selaras dengan fungsi Politeknik Kota Bharu sebagai sebuah pusat kecemerlangan akademik, USTM juga turut sama membantu dalam menyediakan kursus terpilih bagi tujuan meningkatkan pengetahuan ICT di kalangan staf akademik dan sokongan. Selain itu, USTM juga menyediakan platform kepada pelajar untuk menjalani latihan industri. Para pelajar akan didedahkan dengan pelbagai pengalaman dan kemahiran dalam bahagian teknikal komputer dan diharapkan pengalaman ini dapat meningkatkan lagi soft skill para pelajar.




### Kursus Pengenalan PHP/MYSQL

Seramai 13 orang staf USTM telah menjalani Kursus Pengenalan PHP/MYSQL bermula pada 25 Mac 2013 hingga 27 Mac 2013. Antara objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan kakitangan teknikal ICT PKB dalam pengendalian PHP & MYSQL. Selain itu, kursus ini diadakan bagi meningkatkan kemahiran dalam pengendalian sistem yang menggunakan PHP & MYSQL di PKB.

### Kursus Pengurusan E-Mel PKB

Kursus Pengurusan E-MEL PKB telah diadakan dengan jayanya pada 22 April 2013 bertempat di

PKB. Kursus ini melibatkan 40 orang staf akademik dan sokongan akademik. Kursus ini telah berjaya meningkatkan pengetahuan kakitangan PKB dalam penggunaan sistem emel PKB dan kemahiran serta kecekapan dalam pengurusan emel untuk penggunaan harian.

### Kursus Pentadbiran Sistem E-thumb

Pihak USTM telah menganjurkan Kursus Pentadbiran Sistem ETHUMB kepada 40 orang staf akademik dan sokongan akademik. Kursus selama sehari iaitu pada 30 April 2013 telah mampu meningkatkan pengetahuan kakitangan PKB dalam penggunaan sistem e-Thumb di samping meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam tugas di pejabat.





### Kursus Keselamatan ICT

Pengetahuan tentang aspek keselamatan ICT amatlah penting dan harus ditingkatkan oleh setiap staf PKB. Justeru, USTM telah mengadakan Kursus Keselamatan ICT kepada 40 orang staf akademik dan sokongan akademik PKB. Kursus ini telah dijalankan selama sehari iaitu pada 22 Mei 2013 bertempat di PKB. Kursus ini telah dapat meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam pengendalian keselamatan ICT untuk penggunaan harian di pejabat.



# unit PEMBANGUNAN & SENGGARAAN

Unit Pembangunan dan Senggaraan adalah ditubuhkan untuk bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan melaksanakan kerja pembangunan dan penyenggaraan bangunan dan kemudahan awam di dalam kampus Politeknik Kota Bharu seluas 105 ekar.



Pada tahun 2013, sejumlah peruntukan telah digunakan untuk melaksanakan kerja-kerja meliputi senggaraan dan pembaikan bangunan, sistem penyaman udara, peralatan pencegah kebakaran, peralatan kemudahan mekanikal dan kemudahan elektrikal. Bagi senggaraan yang kecil, kerja-kerja dilaksanakan oleh kakitangan UPSG manakala bagi yang memerlukan kepakaran dilaksanakan melalui kontraktor yang dilantik. Kakitangan UPSG diketuai oleh Pegawai Pembangunan dan Senggaraan dan dibantu oleh 9 orang kakitangan teknikal yang lain.

Adalah menjadi tanggungjawab UPSG bagi memastikan kemudahan dan fasiliti kampus Politeknik Kota Bharu berkeadaan baik dan tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran. Pada tahun 2013, sebanyak 699 aduan telah diterima oleh UPSG berkaitan kerosakan daripada pihak pengguna berdasarkan pecahan di bawah :

| Jenis Aduan Kerosakan | Bilangan | Peratusan % |
|---|---|---|
| Asrama | 181 | 26 |
| Awam/Bangunan/Infra | 106 | 15 |
| Elektrikal/Telefon | 348 | 50 |
| Mekanikal | 64 | 9 |
| Jumlah | 699 | 100 |

Daripada jumlah aduan tersebut, sebanyak 99.5% telah berjaya dibaiki, manakala selebihnya tidak

ekonomik untuk dibaiki atas pelbagai kerosakan besar yang berlaku.

Peranan UPSG juga adalah bertanggungjawab melaksanakan projek naiktaraf, ubahsuai dan pembangunan. Bagi tahun 2013, UPSG telah melaksanakan beberapa projek seperti, membaikpulih Makmal Bahasa 3 & 4, mengecat bangunan asrama pelajar Blok C & F, mengecat bangunan Dewan Jubli Perak & Blok Pentadbiran lama, membaharu muka jalan (re-surface) jalan kampus, menaiktaraf Dataran Keusahawanan Pelajar dan membaiki dan menyelenggara tandas Blok A.

Di samping itu, tugas UPSG juga terlibat sebagai unit yang bertanggungjawab dalam persiapan tempat untuk pelbagai majlis dan acara. Pada 2013, UPSG telah terlibat dalam beberapa majlis, antaranya ialah Majlis Konvokesyen, Pendaftaran pelajar dan Minggu Suaikenal, PKB Sport Festival, Kembara Merdeka dan Derma Darah Mega.



# unit PENYELIDIKAN & INOVASI

Unit Penyelidikan dan Inovasi (UPI) Politeknik Kota Bharu berperanan membudayakan aktiviti penyelidikan dan inovasi di kalangan tenaga politeknik. Unit ini diketuai oleh En Mohd Sani Said yang bergandingan dengan penyelaras dari setiap jabatan dan beberapa orang pegawai kanan. Aktiviti-aktivitinya meliputi Kajian Tindakan, Inovasi dan Teknologi dalam P&P, Pembelajaran Sepanjang Hayat Kakitangan Politeknik dan Penghasilan Produk serta Perpatenan.

Dua objektif utama dalam kewujudan UPI iaitu menggalakkan penghasilan penyelidikan, inovasi, penulisan dan pembentanagn ilmiah di kalangan kakitangan politeknik, dan menggalakkan perkongsian ilmu di kalangan warga politeknik. Ia berfungsi sebagai penyelaras aktiviti penyelidikan dan inovasi, sekretariat dalam hasil penyelidikan dan inovasi, dan penyelaras keperluan sumber dan bajet bagi aktiviti penyelidikan dan inovasi. Misi dan Visi unit ialah membudayakan penyelidikan dan inovasi sebagai satu matlamat untuk memperkukuh bidang akademik berkaitan dengan melahirkan sekurang- kurangnya dua hasil penyelidikan dan inovasi sepanjang tahun.

## Research, Invention, Innovation & Design 2013 (RIID 2013)

RIID 2013 telah diadakan di Dewan Taming Sari, UiTM Melaka pada 16 -17 Disember 2013. Kumpulan Gpro yang mewakili PKB dengan produk inovasi bertajuk Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP : i-EXAM) telah dianugerahkan Pingat Emas. Gpro dianggotai oleh Azmi Ayup, Chung Boon Chuan, Ulaimi Yahya, Rosilah Wok, Che Rugayah Che Ismail, Kartina Yusoff @ Mat Zin, Nor Ilham Mat Zin, dan Nik Rahaya Nik Ishak.

## Pemfailan Paten Produk Inovasi

Produk-produk inovasi yang bertajuk *Easy Roller Paint Pump*, *Super Iron Board 3 in 1*,dan *AMI Sand Sieve*" yang telah terpilih dalam Pertandingan Inovasi peringkat PKB dan dihantar kepada agen paten untuk dibuat novelty search. Kini, dalam proses pemfailan untuk dipatenkan.

## Konvensyen KIK Kementerian Pendidikan Malaysia

Kumpulan Gpro yang mewakili Jabatan Pengajian Politeknik melalui projek Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP : i-EXAM) telah dianugerahkan Pingat Emas dan berjaya mendapat tempat kedua dalam Kategori Pengurusan.

## Action Research Coaching Workshop Zon Timur 2013

Unit Penyelidikan dan Inovasi Politeknik Kota Bharu telah menganjurkan Action Research Coaching Workshop Zon Timur 2013 pada 8 - 9 Oktober 2013, bertempat di Dewan Bazaar Tengku Anis, Kota Bharu Kelantan. Bengkel ini melibatkan 70 orang peserta daripada politeknik dan kolej komuniti Zon Timur. Objektif program adalah untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan penyelidikan tindakan dalam meningkatkan mutu pendidikan Negara amnya.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh Puan Hajjah Halimah Che Hassan Ketua Penolong Pengarah Kanan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Politeknik, Jabatan Pengajian Politeknik. Seramai 5 orang panel /penceramah jemputan daripada UNITEN iaitu Prof. Dr. Zamri Yusof, manakala daripada

UMK ialah Prof Madya Dr. Mohd Rafi Yaakub dan Prof. Dr. Mohd Rosli Mohamad serta daripada PUO pula Dr. Tg. Ahmad Badrul Shah Tg. Husin dan Dr. Nik Azida Abd. Ghani. Bengkel ini telah berjaya meningkatkan kualiti penyelidikan dan penulisan dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pengajian Tinggi di politeknik dan kolej komuniti.





### Konvensyen KIK Kebangsaan Politeknik 2013

Politeknik Kota Bharu telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan Konvensyen Inovasi dan Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan Politeknik 2013, yang telah berlangsung pada 24 hingga 26hb September 2013 bertempat di Politeknik Kota Bharu. Pada kali ini PKB telah menjadi tuan rumah KIK selepas Politeknik Seberang Prai. Sebanyak 27 kumpulan telah menyertai KIK pada kali ini dan semuanya terdiri daripada politeknik. Panel permarkahan adalah terdiri daripada Panel NPC dan juga dari pelbagai agensi dan jabatan. Permarkahan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu permarkahan VIVA sebanyak 60%, Persembahan 25% dan pameran adalah 15%. Majlis penutup telah dirasmikan oleh Datuk Mokhlis Jaafar, Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia.






Pada kali ini, dua kategori dipertandingkan iaitu kategori pengurusan dan teknikal. Tempat pertama bagi kategori teknikal dimenangi oleh Politeknik Balik Pulau (Power Interface), diikuti tempat kedua iaitu Politeknik Seberang Prai (D Pearl) dan tempat ketiga ialah Politeknik Ungku Omar (IKIK4U). Bagi kategori pengurusan, tempat pertama dimenangi oleh Politeknik Kota Bharu (G-Pro -SPMP-iExam), tempat kedua dimenangi oleh Politeknik Merlimau (Promest) dan tempat ketiga dimenangi oleh Politeknik Shah Alam (FAME). Juara keseluruhan jatuh kepada Politeknik Kota Bharu (G-Pro -SPMP-iExam).

### Seminar Penyelidikan Zon Timur 2013

Seminar Penyelidikan Zon Timur 2013 telah diadakan di Hotel Raudhah Kota Bharu pada 26 - 27 Jun 2013. Seminar yang bertemakan " Memperkasakan TVET Ke arah Kelestarian Pendidikan" telah disertai oleh 49 peserta dari Politeknik Kota Bharu (PKB), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) dan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) yang membentangkan kertas penyelidikan masing-masing. Seminar ini telah berjaya membudayakan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah politeknik.

### Persidangan Antarabangsa dan Pertandingan Inovasi Kaunseling dan Pendidikan 2013

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa dan Pertandingan Inovasi Kaunseling dan Pendidikan 2013 pada 6 hingga 7 Mac 2013 bertempat di Dewan Tunku Ibrahim Ismail (DTII), UTHM.






Objektif utama persidangan ini adalah untuk mengamalkan ilmu yang dipelajari dan memperluaskan pengalaman dan pengaplikasian teknik-teknik dan kaedah baru serta mengaplikasikan inovasi dan kreativiti dalam kaunseling dan pendidikan. Selain daripada itu melalui persidangan ini peserta dari Malaysia dan luar negara dapat berkongsi pandangan dan pengalaman berkaitan bidang masing-masing.

Tema persidangan pada tahun ini adalah "Kepelbagaian Pendidikan Untuk Kepelbagaian Manusia" dipenuhi dengan pembentangan selari dari 120 orang pembentang yang telah dijalankan serentak di beberapa dewan di dalam kampus utama UTHM.

PKB yang diwakili oleh para pelajar dari JKA dengan produk yang dipertandingkan bertajuk "Model/ Prototaip Tangga Ikan dalam Konteks Pemuliharaan Alam Sekitar telah mendapat pingat gangsa.

### Pameran Inovasi Pelajar dalam program Jom Masuk "U"

PKB telah menyertai pameran inovasi pelajar dalam program Pameran "JOM masuk U" anjuran KPT dengan menghantar beberapa projek pelajar untuk dipamerkan di Stadium Sultan Muhammad ke IV pada 24 Mac 2013.

### Malaysian International Robot Competition (MiRoC 2013)

MiRoC 2013 telah diadakan pada 11- 14 April 2013, di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). PKB telah

diwakili oleh para pelajar daripada JKE dalam Kategori Technical & Skills Institution (Fire Fighting Robot). Pasukan PKB mendapat Anugerah Pingat Gangsa dalam Poster Terbaik.

## PKB Innotex 2013 : Pameran Inovasi Projek Pelajar PKB 2013

Innotex 2013 telah diadakan dua kali iaitu pada Hari Terbuka Politeknik (April 2013) dan PKB Innotex 2013 (7-8 Oktober 2013). Innotex 2013 melibatkan pameran hasil inovasi pelajar semester akhir yang melibatkan empat jabatan utama iaitu JKA, JKE, JKM dan Perdagangan. Produk inovasi yang terbaik dipilih untuk dibuat novelty search oleh agen paten yang seterusnya boleh dimajukan ke utility innovation.






## Bengkel Penyelidikan Dan Pembangunan

Tiga Bengkel Penyelidikan dan Pembangunan telah diadakan, iaitu :

i. Bengkel Kemahiran Menggunakan SPSS Level 1 (9 - 10 Januari 2013)
   - Peringkat JKM

ii. Bengkel Kemahiran Menggunakan SPSS Level 2 (13 - 14 Februari 2013)
   - Peringkat JKM

iii. Bengkel Penulisan Teknikal untuk RnD Do Me Pelajar Akhir JKM (3 April 2013)
   - Untuk pelajar JKM





## Pembangunan Laman Web Unit Penyelidikan Dan Inovasi PKB (e-PI)

e-PI telah dikelolakan Tn Hj Nik Ruslan Nik Omar (JMSK). Pembangunan laman web ini dalam peringkat pertama iaitu proses mengumpulkan maklumat seperti tajuk kajian dan nama-nama penyelidik yang berkaitan.




## Penerbitan

i. Menerbitkan Journal RnD Do Me (Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Kota Bharu)
   a. Vol 1 No. 2 2012
   b. Vol. 1 No. 1 2013

ii. Menerbitkan Digest@JMSK (JMSK Politeknik Kota Bharu) untuk Bil 2/2012



# unit KAMSIS

Unit Kamsis Politeknik Kota Bharu terletak di dalam kawasan Politeknik Kota Bharu. Bersebelahan dengan Masjid Ibrahimi dan diletakkan bersamaan dengan blok kafetaria pelajar. Unit Kamsis PKB diketuai oleh Pengurus Asrama, dan dibantu oleh Penyelia Asrama Kanan serta empat orang Penyelia Asrama. Bagi mengawasi serta menguruskan hal ehwal kebajikan pelajar, Ketua Warden telah dilantik dibantu oleh tujuh belas orang warden lain.




Unit Kamsis ditubuhkan untuk membantu menyediakan kemudahan tempat tinggal kepada pelajar–pelajar dan melaporkan kerosakan peralatan dan kemudahan di setiap bilik. Kamsis PKB mempunyai sembilan blok asrama pelajar di mana Blok A dan B dikhaskan untuk pelajar lelaki manakala Blok C hingga J disediakan untuk pelajar perempuan. Jumlah keseluruhan pelajar asrama adalah 918 orang iaitu 200 orang pelajar lelaki dan 718 orang pelajar perempuan. Setiap pelajar berkongsi dua orang sebilik dengan jumlah keseluruhan bilik adalah 459.

### Firedrill Sesi Jun 2013

25 Jun 2013 - Program ini diadakan di Dewan Jubli Perak dan Kamsis Politeknik Kota Bharu bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar cara menyelamatkan diri semasa kebakaran. Program ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan di antara ahli jawatankuasa pelajar kamsis dengan para palajar. Selain itu program ini turut mendedahkan pelajar dengan kaedah memadamkan api dengan betul dan selamat.




## Malam Kebudayaan Kamsis

Malam Kebudayaan Kamsis telah berlangsung 23 Januari 2013 dan 26 Jun 2013. Program ini telah diadakan di Dewan Jubli Perak dengan tujuan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara ahli jawatankuasa pelajar kamsis dengan para pelajar disamping mencungkil bakat pelajar kamsis. Keseluruhannya, program ini telah dapat memberi pendedahan kepada ahli kelab kebudayaan dan para peserta tentang pengendalian program dan pengurusan kelab pelajar kamsis, sekaligus memantapkan lagi kewibawaan dalam diri setiap pelajar.




## Kursus Keusahawanan Penebar Roti Canai

Bagi menyuburkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar PKB amnya, dan penghuni asrama khasnya, kursus keusahawanan ini telah dianjurkan pada 24 Mei 2013. Antara tujuan penganjuran program ini ialah bagi menterjemahkan hasrat kerajaan dan menyahut seruan KPTM supaya konsep dan budaya keusahawanan di IPTA diterapkan kepada pelajar. Selain dapat memasarkan dan menjual minuman dan makanan serta barang keperluan lain, program ini telah memberi peluang dalam usaha value added pada tahap inovasi dalam memasarkan hasil jualan mereka dan dapat memberi pendedahan awal mengenai ilmu keusahawanan dalam kalangan pelajar.

### Lawatan Kelab Pelajar Kamsis Ke Politeknik Merlimau & Universiti Teknikal Melaka

Beberapa siri lawatan akademik telah dianjurkan bagi mewujudkan semangat berkumpulan dan individu yang komited dalam mengendalikan sesuatu program. Pada 21 hingga 23 Februari 2013, rombongan pelajar kamsis PKB telah mengadakan lawatan ke Politeknik Merlimau & Universiti Teknikal Melaka. Hasil lawatan ini telah dapat membuka peluang kepada pelajar untuk perbaiki kemahiran berkomunikasi dengan pihak luar, melatih pelajar menjadi pengurus dan pemimpin yang baik melalui jawatankuasa yang dibentuk dan juga dapat mewujudkan hubungan baik diantara politeknik dengan pihak luar.

### Minggu Penghayatan Solat dan Kesedaran Aurat

Program ini diadakan di Masjid Ibrahimi Politeknik Kota Bharu pada 17-20 Februari 2013. Tujuan program ini adalah untuk menambahkan kefahaman tentang solat, menunjukkan cara untuk melakukan solat yang sempurna, memberi kesedaran diri kepada pelajar dalam menjaga batas-batas aurat dengan sesama muslim dan bukan muslim serta kesan tidak menjaga aurat.



### Lawatan Ke Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Arau, Perlis dan Mardi Di Langkawi

Lawatan yang bermula pada 28 Mei hingga 1 Jun 2013 dianjurkan bertujuan untuk melihat sendiri cara pengurusan organisasi dan aktiviti untuk diimplementasikan di PKB. Selain dapat merapatkan ukhwah dan mengeratkan hubungan antara kakitangan PKB dengan kakitangan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Arau Perlis dan MARDI Langkawi, lawatan ini dapat meningkatkan keyakinan diri dan motivasi kepada Pegawai di Unit Asrama dan warden, dan pengetahuan tentang cara-cara membuat lanskap.

## Kursus Kepimpinan dan Penggunaan i-Kamsis

Penganjuran Kursus Kepimpinan dan Penggunaan I-Kamsis pada 20 hingga 22 Jun 2013 adalah inisiatif bagi melahirkan barisan pemuda-pemudi yang mantap baik dari segi jatidiri, kepimpinan dan juga keilmuan. Program ini dijalankan bagi melancarkan lagi pentadbiran dan pengurusan kamsis bagi memacu ke arah kecemerlangan.

## Majlis Kenali Kolej Kediaman Politeknik Kota Bharu Bersama Pelajar Kamsis Sesi Jun 2013

Program ini merupakan program yang dijalankan pada setiap semester bagi memberi pendedahan tentang pengurusan kamsis. Program selama empat hari ini bermula 23 hingga 26 Jun 2013 telah menjelaskan tentang peraturan-peraturan kamsis dan memperkenalkan barisan Fello, Pihak Pengurusan dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman PKB.

## Majlis Berbuka Puasa Di Bulan Ramadhan Sesi Jun 2013

Program ini merupakan salah satu aktiviti wajib yang akan dijalankan pada setiap tahun bagi mengeratkan jalinan ukhwah antara pelajar senior dan junior. Program yang berlangsung pada 10 Julai 2013 ini telah memberi pendedahan tentang situasi dalam mengharungi kehidupan sebagai pelajar kamsis serta megenali peraturan Kolej Kediaman PKB.

## Sambutan Minggu Sukan Kolej Kediaman Politeknik Kota Bharu Bersama Pelajar Kamsis Sesi Jun 2013

Program ini dijalankan pada pertengahan setiap semester bagi menggalakkan pelajar beriadah secara sihat. Program ini ini dijalankan pada 16 hingga 17 Ogos 2013. Selain itu, ia dapat mengeratkan hubungan silaturrahim diantara pelajar kamsis dengan ahli jawatankuasa Politeknik Kota Bharu serta felo-felo kamsis.




## Majlis Malam Anugerah Kamsis Sesi Jun 2013

Program ini dijalankan pada setiap semester dan pada tahun 2013 ia diadakan pada 26 Jun 2013 dan 10 September 2013. Ia dijalankan bagi memberi penganugerahan dan hadiah serta ganjaran kepada pelajar yang memerah keringat mereka yang sebelum ini demi menampilkan blok mereka pada malam kebudayaan yang telah dilaksanakan sebelum ini.





Lawatan Sambil Belajar Ke Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Politeknik Seberang Prai (PSP)

10-12 Oktober 2013 - Lawatan ini telah memberi pendedahan kepada ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman (JPKK) tentang pentadbiran dan pengurusan kolej kediaman di institusi pengajian tinggi lain di Malaysia serta melihat perbezaan pengurusan untuk penambah baik pengurusan JPKK PKB.










# unit LATIHAN & PENDIDIKAN LANJUTAN

Berdasarkan matlamat untuk melahirkan tenaga kerja separa profesional yang berkualiti, pengajaran dan pembelajaran telah menjadi focus utama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan dalam merancang dan menyediakan latihan-latihan yang diperlukan oleh staf Politeknik Kota Bharu (PKB). Di samping itu, unit ini sentiasa memantau keberkesanan program-program pembangunan sumber manusia yang dijalankan agar dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan di PKB.



Fungsi utama ULPL adalah mengkoordinasi dan menganjurkan program pembelajaran sepanjang hayat kepada semua staf akademik dan bukan akademik, melalui pelbagai aktiviti latihan. Dengan kata lain ULPL bertanggungjawab dalam merancang dan menyediakan latihan bagi staf akademik dan bukan akademik Politeknik Kota Bharu, demi memastikan pembangunan kecemerlangan staf dapat dipertingkatkan dengan lebih berkesan.

### Kursus Protokol Dan Etiket Sosial

Kursus ini telah dianjurkan oleh ULPL, PKB pada 10 & 11 Julai 2013 dimana peserta terdiri daripada kakitangan sokongan akademik PKB. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang etika dalam pekerjaan yang boleh dilaksanakan dan di praktikkan semasa menjalankan tugas di politeknik khususnya.

Selain itu juga kursus ini bertujuan memberi idea-idea dan gambaran yang bernas kepada para peserta dalam usaha mempermudahkan prosedur-prosedur kerja seharian yang lebih efisyen, cepat, cekap dan berkesan.

## Kursus Penyelenggaraan Kenderaan

Kursus ini telah dianjurkan oleh pihak ULPL untuk mempelbagaikan kebolehan dan kemahiran kakitangan Politeknik Kota Bharu khususnya di dalam bidang penyelenggaraan kenderaan. Kursus ini memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari teknik-teknik yang betul dalam menyelenggara kenderaan.

Kursus ini telah dihadiri seramai 20 orang peserta yang terdiri dari kakitangan PKB dan telah dijalankan selama 3 hari iaitu pada 11 hingga 13 Disember 2013 di Bengkel Automotif, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.





## Kursus Akauntabiliti Proses Pengajaran Dan Pembelajaran

Kursus ini telah dianjurkan oleh pihak ULPL dengan kerjasama daripada Peneraju OBE, PKB. Kursus selama 2 hari ini telah berlangsung pada 27 & 28 Mac 2013 di Dewan Al-Ghazali, PKB yang disampaikan oleh 2 orang penceramah iaitu En.Md Nawi Bin Abd Rahman dan En.Ali Bin Mamat.

Tujuan utama kursus ini adalah untuk menjelaskan tentang kepentingan kepimpinan dan pembangunan akauntabiliti di dalam proses P&P kearah mempertingkatkan daya saing antara institusi pendidikan. Selain itu juga ia bertujuan untuk menghuraikan tentang kepentingan etika dalam peningkatan profesionalisme para pensyarah.





## Seminar Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan

Seminar pengajaran dan pembelajaran ini telah dianjurkan oleh pihak ULPL dengan kerjasama dari Peneraju OBE, Peneraju Teaching and Learning, Peneraju Coaching & Mentoring serta Peneraju Outcome Based Assessment.

Seminar yang telah berlangsung selama 2 hari iaitu pada 14 dan 15 Januari 2013 di Bilik Seminar ULPL, PKB adalah bertujuan untuk merangka garis panduan perlaksanaan proses P&P di kalangan pensyarah PKB. Selain itu juga, seminar ini adalah bertujuan untuk merangka garis panduan perlaksanaan penilaian pelajar serta melatih kumpulan master trainer bagi tujuan membimbing pensyarah-pensyarah PKB.

Seminar ini telah disertai oleh 38 orang pensyarah DH44 dan disampaikan oleh YM Engku Muhammad Engku Ali, Hj Ulaimi Yahya, Hjh Azlina Ahamd dan Pn.Nor Asiah Ghani.








# unit KUALITI & DOKUMENTASI

Unit Kualiti dan Dokumentasi berada di bawah Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik). Telah diwujudkan pada tahun 2000 bagi membantu Politeknik Kota Bharu mencapai persijilan ISO 9001:2000 pada waktu itu. Diketuai seorang Pegawai Pengurusan Kualiti DH41, unit ini turut dibantu oleh beberapa orang ahli jawatankuasa dari jabatan-jabatan akademik yang telah dilantik oleh Pengarah Politeknik Kota Bharu.

Bagi memastikan kelangsungan kualiti di PKB, unit ini berperanan dalam menyedia dan membentangkan Laporan Kajian Semula Pengurusan kepada ahli mesyuarat pengurusan PKB, menjalankan audit dalaman organisasi bagi memastikan keakuran PKB terhadap ISO9001:2008, memastikan dokumen-dokumen berkaitan ISO adalah terkini dan selaras dengan keperluan dan dasar semasa, menguruskan sistem aduan pelanggan di PKB, merancang, mengurus dan melaksanakan aktiviti berkaitan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), menyediakan laporan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) dan Pelan Integriti Nasional (PIN) peringkat PKB, memantau aktiviti War Room PKB, mengumpulkan maklumat dan melaporkan pencapaian PKB di dalam polyPMO, menjadi urusetia kepada Pasukan Audit Dalaman (PID) PKB, dan menjadi perantara di antara pihak SIRIM dan PKB terutamanya bagi urusan pengauditan dan persijilan.

### Audit Pemantauan ISO 9001:2008

Pada 12 hingga 14 Mei 2013, juruaudit dari SIRIM telah hadir ke PKB bagi melaksanakan audit pemantauan ISO 9001:2008. Juruaudit tersebut adalah Encik Mohamad Hamidi bin Yusop. Unit Kualiti dan Dokumentasi, selaku perantara bagi pihak PKB dan SIRIM telah bertanggungjawab memantau dan mengurus perjalanan proses audit yang dijalankan. Secara keseluruhannya, juruaudit telah mendapati bahawa Sistem Pengurusan Kualiti telah dilaksana dan diselenggarakan mengikut keperluan standard ISO 9001:2008.



## Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan Politeknik 2013

Tanggal 24 hingga 26 September 2013, Politeknik Kota Bharu telah terpilih menjadi tuan rumah Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan Politeknik 2013 dan telah berlangsung dengan jayanya. KIK bermaksud Kumpulan Inovatif dan Kreatif. Ia bertujuan menggalakkan pemikiran dan penyelesaian masalah secara kreatif dan inovatif di kalangan kakitangan politeknik-politeknik Malaysia. Pada konvensyen ini, seramai 6 orang juri yang cukup berpengalaman telah dijemput bagi menilai projek para peserta iaitu Haji Omar bin Othman (Pengurus Bahagian Kecemerlangan Perniagaan), Haji Nik Rosdi bin Nik Yusoff (Pengurus Perbadanan Produktiviti Malaysia), Haji Mohd Rozali bin Jaffar (Jabatan Farmasi Hospital Raja Perempuan Zainab), Encik Ahmad Azam bin Haji Abdul Hamid (Tenaga Nasional Berhad Kuantan), Haji Mohamed Hamzah bin Abd Mutalib (QinHIM Enterprise) dan Haji Zulkifli bin Mohd Sahalan (Pengarah SIRIM Cawangan Negeri Pahang).

Di akhir konvensyen ini, kumpulan G Pro dari Politeknik Kota Bharu telah dinobatkan sebagai johan keseluruhan. Secara keseluruhannya, hasil inovasi kakitangan politeknik dapat diketengahkan kepada pelajar melalui pameran yang telah diadakan dan juga kepada rakyat Malaysia melalui hebahan di media massa. Kumpulan-kumpulan yang telah dinobatkan sebagai pemenang mempunyai peluang membawa nama politeknik ke peringkat lebih tinggi, bersaing dengan IPTA dan agensi profesional lain di Malaysia.

| | Kategori Teknikal | Kategori Pengurusan |
|---|---|---|
| Johan Keseluruhan | G-PRO (Politeknik Kota Bharu) | |
| Johan | POWER INTERFACE (Politeknik Balik Pulau) | G-PRO (Politeknik Kota Bharu) |
| Naib Johan | D'perd2013 (Politeknik Seberang Prai) | ProMaths (Politeknik Merlimau Melaka) |
| Tempat Ketiga | IKIK4U (Politeknik Ungku Omar) | FAME (Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah) |






# unit **PSIKOLOGI & KERJAYA**

Unit Psikologi & Kerjaya merupakan sebuah unit yang menjalankan perkhidmatan berteraskan tiga aspek penting dalam pembangunan manusia iaitu mental, fizikal dan emosi. Unit ini merupakan unit sokongan akademik yang berperanan dalam membantu membentuk pembangunan insaniah, di mana ianya menyediakan perkhidmatan berfokus kepada Psikologikal, Kaunseling dan Kerjaya warga Politeknik Kota Bharu, khususnya para pelajar dan kakitangan.








Visi Unit Psikologi & Kerjaya ialah menyediakan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang berlandaskan prinsip-prinsip psikologi untuk klien yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan Politeknik Kota Bharu. Manakala misinya pula adalah berusaha untuk memberikan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang professional bagi meningkatkan psikologi klien melalui program pengembangan, pencegahan dan pemulihan.

Perkhidmatan yang ditawarkan adalah bimbingan dan kaunseling individu dan berkelompok (untuk pelajar dan kakitangan Politeknik Kota Bharu), mengadakan ceramah, bengkel dan seminar psikologi dan kerjaya,

memberikan khidmat nasihat kerjaya, melakukan pengujian dan penaksiran psikologi, mengadakan taklimat kerjaya dan promosi PKB di sekolah-sekolah sekitar negeri Kelantan dan mengurus aktiviti Kelab Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Kota Bharu.

### Aktiviti

| Bil | Aktiviti | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1 | Program Study @ Poli | 1 Feb 2013 | SM Teknik Bachok, Kelantan |
| 2 | Bengkel Smart Study Learning Skills Pelajar Semester Dua Politeknik Kota Bharu | 15 Mac 2013 | Politeknik Kota Bharu |
| 3 | I Love Poly | 16 Mac 2013 | Politeknik Kota Bharu |
| 4 | PKB Career Fest 2013 (bersempena sambutan Majlis Konvokesyen Kali Ke-26, PKB) | 8 - 11 Apr 2013 | Politeknik Kota Bharu |
| 5 | Kursus Asas Kemahiran Menolong Kelab Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Kota Bharu | 21 - 23 Mac 2013<br>3 - 5 Okt 2013 | Politeknik Kota Bharu<br>Gelora Beach Resort, Bachok |
| 6 | "Leadership & Presentation Skills" Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Kota Bharu | 15 - 17 Ogos 2013 | Suria Cherating Beach Resort, Pahang |
| 7 | Program "Cakna Ilmu Warga Felda" Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Malaysia ZonTimur 2013 | 5 - 7 Sep 2013 | FeldaTenang, Jerteh, Terengganu |





### Outreach

Selain dari aktiviti di Politeknik, Unit Psikologi & Kerjaya turut aktif dalam mempromosikan kemasukan lepasan pelajar sekolah menengah ke Politeknik melalui aktviti outreach, pameran kerjaya, taklimat, roadshow, program bersama komuniti setempat dan lain-lain. Antara sekolah-sekolah yang terlibat dalam

aktiviti outreach Unit Psikologi&Kerjaya sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:

| Bil | Aktiviti | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1 | Lawatan Sambil Belajar Sekolah Menengah Sains Machang ke PKB | 4 Feb 2013 | Politeknik Kota Bharu |
| 2 | Program 1 Dream 2 U: Impian Ke Menara Ilmu & Sukarelawan 1M4U Politeknik | 28 Feb 2013 | SMK Bukit Jawa, PasirPuteh |
| 3 | Pameran Kerjaya sempena Karnival Astro Fiesta Mesra Belia 1 Malaysia 2.0 Parlimen Tumpat Tahun 2013 | 14 Mac 2013 | SK Sri Tumpat 2, Tumpat |
| 4 | Lawatan Sambil Belajar Kolej Komuniti Masjid Tanah ke PKB | 2 Apr 2013 | Politeknik Kota Bharu |
| 5 | Pameran Kerjaya sempena Hari Terbuka Angkatan Tentera Malaysia (ATM) | 6 – 7 Apr 2013 | Kem Pengkalan Chepa |
| 6 | Pameran Kerjaya SMK Gaal | 17 Apr 2013 | SMK Gaal, Pasir Puteh |
| 7 | Lawatan Sambil Belajar SMK Putri Saadong ke PKB | 24 Apr 2013 | Politeknik Kota Bharu |
| 8 | Pameran Kerjaya sempena Pesta Ko-Kurikulum 2013 SMK Zainab 2 | 19 Jun 2013 | SMK Zainab 2, Kota Bharu |
| 9 | Pameran Kerjaya sempena Sambutan Hari Koperasi SMK Kota | 20 Jun 2013 | SMK Kota |
| 10 | Pameran Kerjaya sempena Sambutan Hari Koperasi, Ko-Kurikulum & Kerjaya SMK Kadok | 26 Jun 2013 | SMK Kadok |






| Bil | Aktiviti | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 11 | Lawatan Sambil Belajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa 1 ke PKB | 2 Jul 2013 | Politeknik Kota Bharu |
| 12 | Pameran Kerjaya sempena Karnival Pendidikan Kaunseling & Kerjaya Sekolah Berasrama Penuh Zon Timur | 6 Jul 2013 | Balai Pameran Sekolah Menengah Sains Machang |
| 13 | Lawatan Sambil Belajar Kolej Vokasional Muar ke PKB | 7 Jul 2013 | Politeknik Kota Bharu |
| 14 | Pameran Kerjaya sempena Hari Terbuka & Kerjaya SMK Kedai Buloh | 27 Jun 2013 | SMK Kedai Buloh |
| 15 | Lawatan Sambil Belajar SMK Mulong ke PKB | 29 Sep 2013 | Politeknik Kota Bharu |
| 16 | Lawatan Sambil Belajar SMK Kuala Balah ke PKB | 29 Sep 2013 | Politeknik Kota Bharu |
| 17 | Lawatan Sambil Belajar Sekolah Menengah Vokasional Kuala Krai ke PKB | 27 Okt 2013 | Politeknik Kota Bharu |





# unit **KEUSAHAWANAN**

Unit Keusahawanan merupakan sebuah unit yang bertanggungjawab untuk menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik di politeknik. Dengan merujuk kepada Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), matlamat utama adalah untuk Melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan; dan melahirkan lebih ramai lagi usahawan siswazah yang akan bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi ke arah pencapaian status negara maju menjelang 2020.

Sehubungan itu, usaha dan inisiatif untuk menerapkan nilai-nilai dan kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar dibahagikan kepada tiga (3) komponen utama iaitu komponen kesedaran (awareness), pembudayaan dan pengukuhan.




Matlamat utama unit ini adalah melahirkan modal insan yang mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan serta melahirkan lebih ramai lagi usahawan siswazah ataupun 'graduate entrepreneurs', dengan memainkan fungsi-fungsi merancang dan melaksana aktiviti keusahawanan politeknik, membina kolaborasi dengan institusi tempatan dan swasta yang menjalankan program keusahawanan, menjalankan program khidmat runding cara dalam menjalankan aktiviti keusahawanan kepada pelajar dan graduan yang memerlukan, mengenalpasti pelajar yang berpotensi keusahawanan dan membudayakan keusahawanan di kalangan pelajar dan bertanggungjawab membuat kajian pengesanan terhdap pelajar dan graduat yang telah mengikuti program keusahawanan.

### Karnival Keusahawanan Kebangsaan Politeknik Malaysia (K3PM) 2013

Program yang julung kali diadakan ini merupakan anjuran bersama MPEC, Jabatan Pengajian Politeknik dengan kerjasama Unit Kusahawanan PKB. Diadakan sempena dengan Majlis Pelancaran Tahun Keusahawanan Politeknik Malaysia 2013, program ini berlangsung daripada 30 – 31 Mac 2013, bertempat di Stadium Sultan Muhammad ke IV, Kota Bharu Kelantan ini dirasmikan oleh YBhg. Datuk Ab. Rahim bin Md Noor, Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Turut menjayakan program ini adalah peserta daripada Politeknik-Politeknik Malaysia. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah Entrepreneur Race, Pertandingan Rancangan Perniagaan, Pertandingan Catur Bistari, Forum Pertandingan Memasak, Ukiran Buah-buahan dan Gubahan, Sejadah Keusahawanan dan Biz Talk

### Bengkel Entrepreneur Online Success dengan Kaedah Perniagaan dan Keusahawanan DROPSHIP

Program ini berlangsung pada 8 dan 9 Julai 2013 adalah bertujuan untuk melahirkan usahawan online dalam kalangan pelajar. Seramai 81 orang pelajar didedahkan dengan konsep perniagaan DROPSHIP di mana penjual menjual produk syarikat pembekal melalui internet tanpa mengeluarkan modal untuk mendapatkan produk terlebih dahulu. Program ini dikendalikan oleh En. Noor Shahidan bin Abd Razak daripada Cheaperads Enterprise untuk membantu para pelajar mewujudkan perniagaan online mereka sendiri yang dibina secara profesional dan menarik. Pelajar telah mendapat bimbingan dan konsultansi khas sepanjang 3 bulan sehingga mereka mampu berdikari dalam keusahawanan online.




### Program Pembudayaan Keusahawanan Melalui Jualan Bazar Ramadhan




Sepanjang bulan Ramadhan 2013, pelajar-pelajar PKB telah diberi peluang untuk berniaga di Bazzar Ramadhan, bertempat di sepanjang laluan pintu masuk utama ke politeknik. Seramai 27 orang telah terlibat secara langsung di dalam program tersebut. Pelbagai juadah makanan dan minuman disediakan oleh pelajar sendiri untuk dijual kepada warga politeknik dan orang ramai.

## Program Lain

i. Pameran Pendidikan Sempena Majlis Pelancaran MDAIM
ii. Bengkel Pengurusan Simpan Kira Untuk Penasihat Perniagaan Pelajar di Kios dan Inkubator PKB
iii. Gerai Keusahawanan Sempena Majlis Konvokesyen PKB kali ke-26
iv. Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan (K3G) 2013
v. Seminar Pembudayaan Keusahawanan "Entrepreneur Online Success" (EOS) -Kaedah Perniagaan dan Keusahawanan Dropship)
vi. 1Malaysia Entrepreneurs (1MeT) Bootcamp 2013
vii. Program Latihan Keusahawanan Automotif "Perkhidmatan Minor Servis dan Car Care"
viii. Jelajah Program Motivasi dan Usahawan Pintar 1 Malaysia Zon Pantai Timur
ix. Program Pembudayaan Keusahawanan Melalui Membuat dan Memasang Grill Keselamatan bagi Tujuan Keusahawanan Pelajar JKM
x. Pertandingan Rancangan Perniagaan
xi. Bengkel Keusahawanan Pendawaian Elektrik
xii. Bengkel Usahawan Penyemaian dan Penyemaian serta Cantuman Anak Pokok
xiii. Bengkel Pengurusan Dobi Asrama PKB
xiv. PKB Enterpreneur Race 2013
xv. Bengkel Membuat Baja Organik bagi Tujuan Keusahawanan Pelajar PKB
xvi. Bengkel Penanaman Sayur Melalui Sistem Fertigasi dan Baja Organik
xvii. Inkubator Kerja Kayu JKA
xviii. Inkubator Perdagangan
xix. The Biggest Entrepreneurship Race (TBER) 2013
xx. Program Jom Jadi Usahawan (JJU) Peringkat Zon Timur
xxi. Simposium Usahawan Tani berasaskan Teknologi Pertanian dan Industri Asas Tani (SIPUT) 2013 - Politeknik Zon Utara dan Pantai Timur
xxii. Program Boot Camp - Industry Centre of Excellence (ICoE) Wholesale and Retail
xxiii. Women in Social Enterprise (WISE) 2013





# unit SUKAN



Fungsi utama Unit Sukan ialah untuk menyelaras, menyelia, mengendalikan dan memantau semua aktiviti sukan sepanjang semester melibatkan semua pelajar meliputi aktiviti dan kejohanan Majlis Sukan Politeknik, sukan dalaman, kejohanan jemputan dan aktiviti rekreasi.

## Kejohanan Futsal Piala Pengarah PKB

Kejohanan Futsal Piala Pengarah PKB telah diadakan pada 5 Januari 2013 bertempat di Hidayah Futsal Centre, Kok Lanas. Kejohanan ini terbuka kepada semua pelajar PKB, di mana sebanyak 60 pasukan yang terdiri daripada 480 orang pelajar telah mengambil bahagian. Pasukan Arena B telah menjadi juara dalam kejohanan  ini dan naib juara disandang oleh pasukan Arena A. Hadiah disampaikan oleh wakil Pengarah iaitu En. Wan Muhammad Marzudi (Ketua Unit Sukan).






## Wall Climbing & Broga Hill

Pada 17 hingga 19 Januari 2013, PKB Adventure Team bersama-sama Unit Sukan telah mengadakan Program Wall Climbing di Putrajaya Challenge Park dan juga mendaki Bukit Broga. Aktiviti ini disertai oleh seramai 36 orang pelajar dan 2 orang pengiring.

### Kejohanan Bola Sepak Poly Cup MSP 2013

Pada 13 hingga 15 Mac 2013 yang lepas, telah berlangsungnya Kejohanan Bola Sepak Poly Cup MSP 2013 peringkat Politeknik Malaysia di RRI Sungai Buloh, Selangor. Sebanyak 12 pasukan politeknik yang mewakili setiap negeri telah menyertai kejohanan ini. Objektif kejohanan ini diadakan adalah bagi melahirkan atlet bola sepak bagi pemilihan pemain untuk SIPMA disamping mengeratkan hubungan di kalangan pelajar. Perlawanan akhir menemukan antara PKB dan PSMZA dan kejohanan ini dimenangi oleh PKB.




### Ekspedisi Gunung Irau

PKB Adventure Team bersama-sama Unit Sukan telah mengadakan Program Ekspedisi Gunung Irau, Cameron Highlands pada 4-6 April 2013. Ekspedisi ini disertai oleh seramai 36 orang pelajar dan 2 orang pengiring.




### “Road To Thailand”

Seramai 15 orang pemain bola sepak PKB bersama-sama MSP telah bertolak ke Hat Yai – Krabi – Trang, Thailand bagi menghadapi 3 siri perlawanan persahabatan bola sepak selama 4 hari (20-23 Mei 2013) bagi memberi pendedahan kepada pemain PKB dalam perlawanan persahabatan antarabangsa dalam menguatkan dan memperkasakan lagi pasukan PKB dalam menghadapi saingan Liga Bola Sepak IPT 2013.

## Merdeka Cycling Tour 2013

Politeknik Kota Bharu telah menganjurkan Program Merdeka Cycling Tour 2013 dengan kerjasama Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pengajian Politeknik Malaysia. Program selama 4 hari ini bermula dari 28 hingga 31 Ogos 2013, meliputi tiga buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang dengan jarak sejauh 360 km dan disertai oleh seramai 30 orang peserta. Program bermula di Politeknik Kota Bharu dan berakhir di Teluk Cempedak, Kuantan.












## Kejohanan Bola Jaring MSP 2013

Politeknik Kota Bharu telah menyertai Kejohanan Bola Jaring MSP 2013 yang berlangsung pada 19-22 September 2013 di Politeknik Nilai. Walaupun hanya layak sehingga peringkat suku akhir, tetapi pencapaian yang ditunjukkan oleh para pemain amatlah memberangsangkan. Kejohanan sebegini boleh dijadikan pentas untuk menimba pengalaman.

## PKB Johan Kejohanan Futsal

PKB muncul juara dalam Kejohanan Futsal anjuran Persatuan Kerabat dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri bertempat di Real 7 Futsal Pasir Tumbuh pada 14 Disember 2013. Kejohanan terbuka kepada semua pemain bawah 28 tahun. Kejohanan dijalankan secara kalah mati dan disertai oleh 32 pasukan dari seluruh Kelantan . Pemain PKB, Mohd Firdaus Amzar dijulang sebagai pemain terbaik kejohanan.







## Kejohanan Boling Tertutup Staf PKB 2013

Unit Sukan dengan kerjasama Persatuan Alumni PKB telah menganjurkan Kejohanan Boling Tertutup Staf PKB 2013 bertempat di Pacific Bowl, KB Mall pada 21 Disember 2013. Seramai 80 orang peserta telah mengambil bahagian yang terdiri daripada staf sokongan dan akademik PKB serta wakil Persatuan Alumni serta wakil pihak media. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PKB, Haji Azahan bin Haji Daud yang turut serta dalam memeriahkan kejohanan ini.









# unit PENTADBIRAN

Unit Pentadbiran terletak di Bangunan Utama Politeknik Kota Bharu, di Tingkat Satu. Objektif utama unit ini  ialah memberi perkhidmatan dalam urusan pentadbiran, kewangan perkhidmatan, perhubungan dan keselamatan yang cekap dan berkualiti, menyelaras perjalanan organisasi dan aktiviti lain Politeknik di dalam menjayakan matlamat jabatan selaras dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia dan mengamalkan Prinsip Etika Kerja seperti yang dijalankan dan diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Unit Pentadbiran terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian Perkhidmatan dan Bahagian Kewangan. Bahagian Perkhidmatan berfungsi dalam menguruskan Kerja kerja yang berkaitan dengan hal hal perkhidmatan seperti terkandung dalam arahan perkhidmatan dan garis panduan yang tepat dan betul serta terkini mengikut Perintah Perintah Am Bab A – Bab G, memberikan panduan pengurusan pejabat dan Panduan Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Stor, dan menghebahkan surat-surat pekeliling dan pekeliling-pekeliling yang berkaitan sebagai panduan dan menyokong segala kerja yang dijalankan dari masa ke semasa.

Fungsi Bahagian Kewangan pula ialah mengurus kerja-kerja yang berkaitan dengan kewangan seperti yang terkandung dalam garis panduan yang telah ditetapkan dalam perkhidmatan Awam Malaysia iaitu Akta Acara Kewangan dan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, dan menghebahkan surat-surat pekeliling dan pekeliling-pekeliling kewangan sebagai panduan dalam proses menjalankan dalam mengawal perbelanjaan  dan bertepatan dengan kaedah piawaian yang dikehendaki oleh sesebuah organisasi selaras dengan tujuan atau mencapai maksud perbendaharaan Malaysia dan mengikut pelarasan dalam semua institusi kementerian Pendidikan Malaysia.









# persatuan ALUMNI PKB

Persatuan Alumni Politeknik Kota Bharu (PAPKB) ditubuhkan dengan tujuan mengeratkan dan mengekalkan silaturahim antara Alumni dan Politeknik Kota Bharu dalam usaha memajukan politeknik serta komuniti setempat untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan berdayasaing. PAPKB telah didaftarkan dengan Pendaftaran Pertubuhan dan mematuhi Akta Pertubuhan 1996 dan Persatuan-persatuan Pertubuhan 1994.



Matlamat utama PAPKB ialah menjaga kebajikan ahli, platform pertemuan di antara Alumni PKB, memupuk perpaduan, integrasi dan silaturahim antara ahli alumni dan membantu ahli persatuan dalam pembangunan profesionalisme, intelektual, kerohanian, dan sosioekonomi.

### Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri

Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2013, PAPKB telah mengadakan satu Majlis Jamuan Hari Raya Adilfitri bersama ahli. Sambutan majlis tersebut telah diadakan di Sutera Inn, Kota Bharu pada 10 Ogos 2013 yang lalu. Majlis jamuan hari raya aidilfitri ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Noor Azahan Bin Othman, selaku Pengarah Politeknik Kota Bharu. Sambutan majlis tersebut telah dihadiri oleh 300 keluarga ahli PAPKB sendiri. Sambutan majlis tersebut juga telah dimeriahkan lagi dengan jemputan artis undangan iaitu Roy Kapilla yang hadir membuat persembahannya yang tersendiri. Majlis tersebut juga telah mengeratkan lagi silaturahim antara ahli keluarga ahli PAPKB.

### Lawatan Akademik ke Hatyai, Thailand.

Pada 19-21 April 2013, Persatuan Alumni Politeknik Kota Bharu (PAPKB) telah mengadakan satu lawatan akademik ke Hatyai, Thailand. Lawatan selama 3 hari 2 malam tersebut telah disertai oleh seramai 10

orang ahli termasuk exco PAPKB sendiri. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk melawat serta melihat budaya rakyat Thailand. Semasa lawatan tersebut, peserta berpeluang untuk melawat beberapa tempat yang terkenal di Thailand.





## Sumbangan Khairat Kematian

Selari dengan matlamat penubuhan PAPKB iaitu menjaga kebajikan para ahlinya, PAPKB telah menyumbangkan sedikit sumbangan khairat kematian dalam bentuk kewangan kepada ahli PAPKB yang kematian keluarga mereka. Bagi tahun 2013, PAPKB telah menyumbangkan khairat kematian kepada ahli seramai 7 orang ahli yang kematian ahli keluarga mereka. Sumbangan sebanyak RM250 bagi ahli yang kematian ibu bapa manakala sebanyak RM500 bagi kematian ahli sendiri atau suami atau isteri ataupun juga anak ahli sendiri.





## Program Amal di Rumah Sri Kenangan

Pada 24 Februari 2013, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dengan kerjasama Persatuan Alumni Politeknik Kota Bharu telah menganjurkan satu program kemasyarakatan bersama-sama warga tua di Rumah Sri Kenangan. Program yang diberi nama 'Program Permata Pengubat Rindu' yang ditaja sendiri oleh Persatuan Pelajar Kejuruteraan Mekanikal bersama Persatuan Alumni Politeknik Kota Bharu. Program ini bertujuan untuk meraikan kegembiraan bersama-sama dengan golongan tua di rumah kebajikan Rumah Sri Kenangan. Peserta turut berpeluang untuk meluangkan masa mereka bersama-sama dengan golongan tua ini serta mewujudkan satu hubungan antara mereka.

## Program Homecoming Majlis Alumni Politeknik Malaysia

Pada 1 Oktober 2013, Persatuan Alumni Politeknik Kota Bharu telah mengadakan satu program bersama ahli iaitu Program Homecoming Majlis Alumni Politeknik Malaysia. Majlis tersebut telah diadakan di PUO, Ipoh. Majlis ini merupakan majlis perjumpaan alumni bagi Politeknik Malaysia. Sambutan pada majlis tersebut disambut meriah dengan kedatangan ramai alumni Politeknik seluruh Malaysia dalam satu majlis.

## Karnival Pengajian Tinggi Outreach Alumni Politeknik

Pada 28-31 Mac 2013, telah berlangsungnya satu karnival iaitu Karnival Pengajian Tinggi Outreach Alumni Politeknik. Karnival selama empat hari itu telah berlangsung di Stadium Sultan Muhammad Ke IV yang telah dihadiri oleh ramai pengunjung yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Ab. Rahim bin Md. Noor, Ketua Setiausaha KPT.













"Dan ketika kita sedang bersedih dan hidup dalam kesusahan, tersenyum dan berterima kasihlah kepada Tuhan bahawa kita masih hidup...!."





# data & statistik

1. Enrolmen Pelajar 2013

| Program | Sesi Jun 2013 | | Sesi Disember 2013 | |
|---|---|---|---|---|
| | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan |
| **Jabatan Kejuruteraan Awam** | | | | |
| Dip Kej Awam | 617 | 421 | 592 | 408 |
| Dip Ukur Bahan | 266 | 331 | 265 | 311 |
| **JUMLAH** | **883** | **752** | **857** | **719** |
| **Jabatan Kejuruteraan Elektrik** | | | | |
| Dip Kej Elektrik | 392 | 60 | 428 | 72 |
| Dip Kej Elektrik & Elektronik | 272 | 62 | 383 | 79 |
| Dip Kej Elektronik | 9 | 3 | 0 | 2 |
| Dip Kej Elektronik (Komunikasi) | 256 | 144 | 224 | 157 |
| **JUMLAH** | **929** | **269** | **1035** | **310** |
| **Jabatan Kejuruteraan Mekanikal** | | | | |
| Dip Kej Mekanikal | 434 | 63 | 410 | 61 |
| Dip Kej Mekanikal (Automotif) | 654 | 20 | 624 | 17 |
| Dip Kej Mekanikal (Pertanian) | 308 | 196 | 250 | 169 |
| Dip Kej Mekatronik | 101 | 32 | 93 | 40 |
| **JUMLAH** | **1497** | **311** | **1377** | **287** |
| **Jabatan Perdagangan** | | | | |
| Dip Akauntansi | 180 | 578 | 155 | 527 |
| Dip Pemasaran | 48 | 174 | 42 | 171 |
| Dip Pengajian Perniagaan | 119 | 407 | 113 | 376 |
| **JUMLAH** | **347** | **1159** | **310** | **1074** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | 6,157 orang | | 5,966 orang | |

*Disediakan oleh : Jabatan Hal Ehwal Pelajar. PKB*

2. Peperiksaan 2013

a. Sesi Disember 2012

| Program | KB | KB Gagal Kursus | KS | KS Gagal Kursus | GB | Bil Pelajar |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Jabatan Kejuruteraan Awam** | | | | | | |
| Dip Kej Awam | 541 | 315 | 1 | 20 | 12 | 889 |
| Dip Ukur Bahan | 284 | 98 | 0 | 5 | 3 | 390 |
| Sijil Ukur Bahan | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| **Jabatan Kejuruteraan Elektrik** | | | | | | |
| Dip Kej Elektrik & Elektronik | 197 | 20 | 0 | 1 | 2 | 220 |
| Dip Kej Elektronik (Komunikasi) | 252 | 110 | 0 | 2 | 8 | 372 |
| Dip Kej Elektronik | 222 | 73 | 0 | 6 | 1 | 302 |
| Dip Kej Elektrik | 32 | 20 | 0 | 0 | 2 | 54 |
| **Jabatan Kejuruteraan Mekanikal** | | | | | | |
| Dip Kej Mekanikal (Automotif) | 278 | 183 | 0 | 5 | 5 | 471 |
| Dip Kej Mekatronik | 70 | 28 | 1 | 1 | 3 | 103 |
| Dip Kej Mekanikal | 247 | 89 | 0 | 2 | 5 | 343 |
| Dip Kej Mekanikal (Pertanian) | 311 | 54 | 0 | 1 | 3 | 369 |
| **Jabatan Perdagangan** | | | | | | |
| Dip Akauntansi | 514 | 61 | 0 | 3 | 2 | 580 |
| Dip Peng Perniagaan | 333 | 27 | 0 | 1 | 0 | 361 |
| Dip Pemasaran | 142 | 18 | 0 | 4 | 1 | 165 |
| JUMLAH | 3424 | 1096 | 2 | 51 | 47 | 4620 |

KB - Kelulusan Baik
KS - Kelulusan Bersyarat
GB - Gagal Berhenti

b. Sesi Jun 2013

| Program | KB | KB Gagal Kursus | KS | KS Gagal Kursus | GB | Bil Pelajar |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Jabatan Kejuruteraan Awam** | | | | | | |
| Dip Kej Awam | 690 | 210 | 1 | 8 | 14 | 923 |
| Dip Ukur Bahan | 353 | 178 | 1 | 17 | 10 | 559 |
| **Jabatan Kejuruteraan Elektrik** | | | | | | |
| Dip Kej Elektrik & Elektronik | 273 | 22 | 0 | 0 | 3 | 298 |
| Dip Kej Elektronik (Komunikasi) | 235 | 127 | 0 | 1 | 5 | 368 |
| Dip Kej Elektronik | 339 | 46 | 1 | 1 | 4 | 391 |
| Dip Kej Elektrik | 4 | 1 | 0 | 0 | 0 | 5 |
| **Jabatan Kejuruteraan Mekanikal** | | | | | | |
| Dip Kej Mekanikal (Automotif) | 417 | 194 | 0 | 4 | 19 | 634 |
| Dip Kej Mekatronik | 99 | 25 | 0 | 2 | 3 | 129 |
| Dip Kej Mekanikal | 279 | 145 | 0 | 6 | 11 | 441 |
| Dip Kej Mekanikal (Pertanian) | 403 | 77 | 0 | 1 | 2 | 483 |
| **Jabatan Perdagangan** | | | | | | |
| Dip Akauntansi | 634 | 53 | 0 | 3 | 2 | 692 |
| Dip Peng Perniagaan | 444 | 28 | 0 | 5 | 2 | 479 |
| Dip Pemasaran | 183 | 16 | 1 | 0 | 1 | 201 |
| JUMLAH | 4353 | 1122 | 4 | 48 | 76 | 5603 |

KB - Kelulusan Baik
KS - Kelulusan Bersyarat
GB - Gagal Berhenti

*Disediakan oleh Unit Peperiksaan PKB*

3. Perjawatan 2013

a. Bilangan Staf Mengikut Kategori




b. Bilangan Pegawai Mengikut Jawatan




*Disediakan oleh Unit Pentadbiran PKB*

## 4. Latihan Staf 2013

a. Bilangan Hari Berkursus Mengikut Jabatan / Unit

| Bil. | Jabatan / Unit | Bilangan Hari Berkursus | | | | | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | ≥7 | 6 | 5 | 4 | 3 | 2 | 1 | 0 | |
| 1 | Hal Ehwal Pelajar | 7 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 7 |
| 2 | Unit Sistem & Teknologi Maklumat | 14 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 14 |
| 3 | Jabatan Kejuruteraan Awam | 99 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 99 |
| 4 | Jabatan Kejuruteraan Elektrik | 100 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 100 |
| 5 | Jabatan Kejuruteraan Mekanikal | 116 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 116 |
| 6 | Jabatan Matematik, Sains & Komputer | 46 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 46 |
| 7 | Jabatan Perdagangan | 68 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 68 |
| 8 | Jabatan Pengajian Am | 48 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 49 |
| 9 | Unit Kamsis | 7 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 7 |
| 10 | Unit Pentadbiran | 50 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 51 |
| 11 | Unit Psikologi & Kerjaya | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 3 |
| 12 | Unit Kualiti & Dokumentasi | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| 13 | Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 |
| 14 | Unit Multimedia & Sumber | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 8 |
| 15 | Unit Perpustakaan | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 9 |
| 16 | Unit Peperiksaan | 6 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 6 |
| 17 | Unit Perhubungan & Latihan Industri | 4 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 |
| 18 | Unit Pembangunan & Senggaraan | 11 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 11 |
| 19 | Unit Sukan & Kokurikulum | 4 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 |
| | Jumlah | 601 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 | 603 |
| | Peratus (%) | 99.66 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0.17 | 0 | 0.17 | 100 |

b. Bilangan Peserta Mengikut Kategori Kursus




c. Bilangan Peserta Mengikut Bidang Kursus




*Disediakan oleh Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan PKB*

5. Latihan Industri Pelajar

a. Statistik Pelajar Mengikut Negeri

i. Sesi Disember 2012

| Bil | Negeri | Bil. Syarikat | Bilangan Pelajar | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | JKA | JKE | JKM | JP | Jumlah |
| 1 | Johor | 65 | 8 | 17 | 33 | 26 | 84 |
| 2 | Kedah | 42 | 4 | 27 | 29 | 1 | 61 |
| 3 | Kelantan | 240 | 140 | 36 | 93 | 195 | 464 |
| 4 | Kuala Lumpur | 29 | 7 | 4 | 14 | 16 | 41 |
| 5 | Melaka | 5 | 0 | 1 | 1 | 3 | 5 |
| 6 | Negeri Sembilan | 3 | 0 | 1 | 2 | 0 | 3 |
| 7 | Pahang | 33 | 15 | 4 | 18 | 7 | 44 |
| 8 | Perak | 15 | 6 | 0 | 12 | 1 | 19 |
| 9 | Perlis | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 |
| 10 | Pulau Pinang | 13 | 2 | 1 | 10 | 0 | 13 |
| 11 | Putrajaya | 3 | 1 | 0 | 0 | 2 | 3 |
| 12 | Sabah | 3 | 0 | 0 | 3 | 0 | 3 |
| 13 | Selangor | 78 | 14 | 16 | 57 | 17 | 104 |
| 14 | Terengganu | 33 | 22 | 2 | 5 | 14 | 43 |
| | Jumlah Keseluruhan | 563 | 219 | 109 | 283 | 283 | 888 |



ii. Sesi Jun 2013

| Bil | Negeri | Bil. Syarikat | Bilangan Pelajar | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | JKA | JKE | JKM | JP | Jumlah |
| 1 | Johor | 11 | 5 | 0 | 3 | 4 | 12 |
| 2 | Kedah | 10 | 1 | 2 | 4 | 4 | 11 |
| 3 | Kelantan | 233 | 88 | 139 | 90 | 102 | 419 |
| 4 | Kuala Lumpur | 15 | 6 | 6 | 0 | 5 | 17 |
| 5 | Labuan | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 |
| 6 | Negeri Sembilan | 2 | 1 | 0 | 1 | 0 | 2 |
| 7 | Pahang | 14 | 3 | 4 | 9 | 1 | 17 |
| 8 | Perak | 9 | 2 | 3 | 6 | 2 | 13 |
| 9 | Perlis | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 |
| 10 | Pulau Pinang | 2 | 0 | 0 | 0 | 2 | 2 |
| 11 | Putrajaya | 2 | 1 | 0 | 0 | 1 | 2 |
| 12 | Sabah | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 |
| 13 | Sarawak | 2 | 0 | 0 | 5 | 0 | 5 |
| 14 | Selangor | 29 | 4 | 6 | 10 | 12 | 32 |
| 15 | Terengganu | 31 | 10 | 12 | 12 | 3 | 37 |
| Jumlah Keseluruhan | | 363 | 121 | 172 | 143 | 136 | 572 |



b. Statistik Keputusan Pelajar Mengikut Jabatan

i. Sesi Disember 2012




ii. Sesi Jun 2013




*Disediakan oleh Unit Perhubungan & Latihan Industri PKB*

6. Kerja Pembangunan dan Senggaraan PKB

| Bil | Jenis Peruntukan | Bil Kerja | Kos Perbelanjaan Keseluruhan (RM) | Status Pelaksanaan | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Rancang | Siap | Bina |
| 1 | OS 28000 | 62 | 572,995.90 | 62 | 62 | 0 |
| 2 | OS 32000 | 8 | 255,313.40 | 8 | 8 | 0 |
| 3 | OS 33000 | 8 | 199,615.00 | 8 | 8 | 0 |
| | Jumlah | 78 | 1,027,924.30 | 78 | 78 | 0 |

*Disediakan oleh Unit Pembangunan & Senggaraan PKB*

7. Perpustakaan

i. Koleksi Bahan-bahan Perpustakaan 2013

| Bil. | Jenis Bahan | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | Bahan-bahan rujukan (Buku/bahan Multimedia dll.) | 32,432 unit |
| 2. | Langganan Majalah/Jurnal | 32 judul |
| 3. | Langganan Akhbar Harian | 5 judul |

ii. Peruntukan Perpustakaan 2013

| Bil. | Pecahan kepala | Jumlah Peruntukan (RM) |
|---|---|---|
| 1. | OS 27000 | 28, 285.77 |
| 2. | OS 29000 | 14,858.00 |
| 3. | OS 42000 | 2,500.00 |
| | Jumlah | 45,643.77 |

"Kegembiraan ibarat semburan pewangi,
apabila kita memakainya semua akan dapat merasa keharumannya.
Oleh itu berikanlah walau secebis kegembiraan yang anda miliki itu
kepada teman anda."

iii. Statistik Penggunaan Perkhidmatan Perpustakaan 2013

| Bulan | Penggunaan Perpustakaan | Pinjaman | Pembaharuan | Penggunaan WebOpac | MyLib |
|---|---|---|---|---|---|
| Jan | 15855 | 666 | 72 | 219 | 238 |
| Feb | 11082 | 274 | 56 | 777 | 214 |
| Mac | 15235 | 344 | 69 | 431 | 72 |
| Apr | 22192 | 177 | 70 | 341 | 80 |
| Mei | 553 | 256 | 13 | 281 | 53 |
| Jun | 10773 | 185 | 95 | 478 | 139 |
| Jul | 35547 | 598 | 112 | 585 | 64 |
| Ogos | 14202 | 280 | 92 | 377 | 26 |
| Sept | 21818 | 337 | 106 | 328 | 39 |
| Okt | 19008 | 114 | 64 | 235 | 48 |
| Nov | 941 | 47 | 23 | 155 | 52 |
| Dis | 15855 | 317 | 74 | 219 | 33 |
| Jumlah | 163,212 | 3,515 | 864 | 4,740 | 1,058 |

*Disediakan oleh Unit Perpustakaan PKB*



## 7. Kecemerlangan Staf

i. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013

| Bil | Nama | Gred |
|---|---|---|
| 1 | Ramli Mohamed | DH 52 |
| 2 | Mohd Fadzil Ahmad | DH 48 |
| 3 | Tuan Noor Laily Tuan Hamat | DH 48 |
| 4 | Mahd Asri Mahmood | DH 48 |
| 5 | Kamarudin Latih | DH 48 |
| 6 | Mohd Subki Abdul Kadir | DH 44 |
| 7 | Nik Ahmad Nazuli Nik Yahya | DH 44 |
| 8 | Zaiton Othman | DH 44 |
| 9 | Azihan Kamarudin | DH 44 |
| 10 | Rozaimah Mustapa | DH 44 |
| 11 | Wan Rahayah Rahimi Wan Ramli | DH 44 |
| 12 | Fatishah Mohd Nawi | DH 44 |
| 13 | Chung Boon Chuan | DH 44 |
| 14 | Noradilah Che Musa | DH 44 |
| 15 | Rus Ayunita Jusoh | DH 44 |
| 16 | Rasidah Md Nor | DH 44 |
| 17 | Muzirawati Md Mustafa | DH 44 |
| 18 | Roslida Abdul Rahman | DH 44 |
| 19 | Azmi Mohamed Nor | DH 44 |
| 20 | Mohd Noor Ismail | DH 44 |
| 21 | Mohd Zaidi Mahmud | DH 44 |
| 22 | Ahmad Shamsul Wadi Ahmad @ Ahmad Sowi | DH 44 |
| 23 | Azli Syam Awang | DH 44 |
| 24 | Fadhlan Abdul Hadi | DH 44 |
| 25 | Rizalman Ab Rahim | DH 44 |
| 26 | Juliana Md Jusoh | DH 41 |

| Bil | Nama | Gred |
|---|---|---|
| 27 | Rosidah Mohd Saad | DH 41 |
| 28 | Mohd Ariff Abdul Aziz | DH 41 |
| 29 | Fahly Khairy Mohd Zin | DH 41 |
| 30 | Marhaniza Ibrahim | DH 41 |
| 31 | Amalina Kamilah Ibrahim | DH 41 |
| 32 | Mohd Amin Abdul Majid | DH 41 |
| 33 | Siti Fatimah Hussin | DH 41 |
| 34 | Rodey Hamza Hamzah | DH 41 |
| 35 | Rosliza Ayob | DH 32 |
| 36 | Rohani Mat Daud | DH 32 |
| 37 | Nik Azila Ahzi Mustapha | DH 32 |
| 38 | Suzianna Taib | F 44 |
| 39 | Azriana Murni Sakri | F 29 |
| 40 | Rusdi Che Mat @ Muhamad | N 27 |
| 41 | Wan Mas Wan Mustapa | N 22 |
| 42 | Zaida Mohamed | N 11 (KUP) |
| 43 | Elias Passiman @ Siman | N 4 |
| 44 | Azizah Mohd Noor | W 22 (KUP) |
| 45 | Mohd Sabri Hashim | J 22 |
| 46 | Hasni Ismail | B 18 |
| 47 | Suriana Haji Che Soh | C 17 |
| 48 | Bahari Hussin | R 6 |
| 49 | Iskandar Mohd Yatimi Daud | R 3 |

"Jika kejahatan di balas kejahatan, maka itu adalah dendam.
Jika kebaikan dibalas kebaikan itu adalah perkara biasa.
Jika kebaikan dibalas kejahatan, itu adalah zalim,
tapi jika kejahatan dibalas kebaikan, itu adalah mulia dan terpuji."

ii. Naik Pangkat (PPPT DH 48 ke DH 52)

| Bil | Nama |
|---|---|
| 1 | Ahmad Fuad Mohd Shorbaini |
| 2 | Ahmad Mahmud |
| 3 | Al Jalilah Harun |
| 4 | Aziz Mamat |
| 5 | Che Rameli Che Soh |
| 6 | Ibrahim Abdullah |
| 7 | Mahd Asri Mahmood |
| 8 | Md Nawi Ab Rahman |
| 9 | Md Razin Ja'affar |
| 10 | Mohamad Shakri Awang Abdullah |
| 11 | Mohd Fadzil Ahmad |
| 12 | Mohd Satar Ab Ghani |
| 13 | Nik Asiah Nik Hassan |
| 14 | Noor Hazini Ab Halim |
| 15 | Nor 'Aziah Abdullah |
| 16 | Noriah Abd Rahman |
| 17 | Raja Norman Raja Mat |
| 18 | Salwuan Ab Halim |
| 19 | Syarifah Jamilah Syed zain |
| 20 | Tuan Noor Laily Hj Tuan Hamat |



iii. Naik Pangkat (PPPT DH 44 ke DH 48)

| Bil | Nama |
|---|---|
| 1 | Abd Rashid Mohd Ali |
| 2 | Abdul Malek A Manap |
| 3 | Sarimah Aman Shah |
| 4 | Wan Azilah Wan Yunus |
| 5 | Zarina Mohd Noor |
| 6 | Zulkifli Mohd Zain |

iv. Naik Pangkat (PPPT DH 41 ke DH 44)

| Bil | Nama |
|---|---|
| 1 | Ahmad Khairil Abdul Jabbar |
| 2 | Aiza Hj Mohd Lazim |
| 3 | Azmi Mat Rais |
| 4 | Bizami Nawawi |
| 5 | Che Sharipah Abdul Rashid |
| 6 | Erni Yusnida Ariffin |
| 7 | Fahly Khairy Mohd Zain |
| 8 | Fairozman Sulaiman |
| 9 | Halinah Hussain |
| 10 | Hartati Maskur |
| 11 | Ira Fazlin Mohd Fauzi |
| 12 | Jamaliah Mohamad Sopi |
| 13 | Julia Jamaluddin |
| 14 | Juliana Md Jusoh |
| 15 | Manesah Md Dali |
| 16 | Md Fadzil Hasbollah |
| 17 | Mohamad Khairul Mohamad @ Alwi |
| 18 | Mohd Arif Abd Aziz |

| Bil | Nama |
|---|---|
| 19 | Mohd Shakirin Ab Rahim |
| 20 | Mohd Zamzuranee Mohd Nor |
| 21 | Muhamad Harun |
| 22 | Nazihah Che Rozan |
| 23 | Nik Muhammad Zaid Nik Muhammad |
| 24 | Nor Abidah Abdul Hamid |
| 25 | Nor Ashikin Mazlan |
| 26 | Nor Sazlina Ismail |
| 27 | Norliza Mohd Zawi |
| 28 | Nur Afifah Ahmad |
| 29 | Nurhawani Yaacob |
| 30 | Rosidah Mohd Saad |
| 31 | Roslina Ab Rahman |
| 32 | Rosmaizura Abd Razib |
| 33 | Rosniza Ahmad |
| 34 | Ross Saliha Safura Hamzah |
| 35 | Rozinah @ Norhaizi Ramli |
| 36 | Rubiah Daud |
| 37 | Siti Alizah Asmuni |
| 38 | Siti Aslidah Ariffin |
| 39 | Sukmawati Ismail |
| 40 | Wanly a/p Eh Keon |
| 41 | Zunaidawati Mat Daud |

"Kegagalan dalam kemuliaan lebih baik daripada kejayaan dalam kehinaan. Memberi sedikit dengan ikhlas pula lebih mulia dari memberi dengan banyak tapi diiringi dengan riak"

v. Naik Pangkat (PPPT DH 29 ke DH 32)

| Bil | Nama |
|---|---|
| 1 | Mahmud Taib |
| 2 | Nur Faidz Azri Makhtar |
| 3 | Nurul Fatihah Akhyar |
| 4 | Raja Rozake Raja Daud |

*Disediakan oleh Unit Pentadbiran PKB*





album 2013

# j a n u a r i





Mesyuarat JK Keusahawanan Politeknik Malaysia







Majlis Penyerahan Baucar Buku 1Malaysia

# f e b r u a r i





Taklimat SPMP kepada Staf Politeknik Seberang Prai





Mesyuarat Agung Persatuan Alumni PKB

## m a c



Mesyuarat Pengarah-pengarah Politeknik Malaysia




Karnival Pengajian Tinggi Negara Kali Ke 9

## a p r i l



Audit Pematuhan SIRIM



Mesyuarat Penubuhan Kelab TAHA

# majlis konvokesyen ke 26



















## j u n



Mesyuarat Pnubuhan Asrama Swasta




Minggu Suaikenal Sesi Jun 2013

## j u l a i



Bengkel Media & Fotografi MPP Politeknik Malaysia



Majlis Iftar PTPTN bersama Warga Kampus PKB

## ogos




Merdeka Cycling Tour 2013

## september



Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia



Taklimat Pusat Perkhidmatan PKS Sirim Bhd

# o k t o b e r






INNOTEX 2013






Pertandingan Debat Ala Parlimen

# n o v e m b e r





Taklimat daripada Glasgow Caledonian University






Majlis Makan Malam bersama Media

# d i s e m b e r



Kursus Asas Pertolongan Cemas




R & D JKM : Knaf Mould



# keratan AKHBAR

## Politeknik Kota Bharu cipta kejayaan

Berita Harian : 29 Ogos 2013

Oleh Mohd Azri Abdul Ghani
bhvarsiti@bh.com.my

Kota Bharu



*Pelajar PKB berjaya menyertai Kelab Pasukan Askar Wataniah berdaftar di bawah Kelab Jabatan Hal Ehwal Pelajar PKB dan memperoleh nombor tentera.*

Seramai 76 pelajar Politeknik Kota Bharu (PKB) menyertai Kelab Pasukan Askar Wataniah dan memperoleh nombor tentera.

Selepas mengikuti ujian kelayakan fizikal, mereka diuji dengan Kursus Asas Perajurit Muda Siri 2/2013 di Pusat Latihan Rejimen 506 Askar Wataniah, Kem Sungai Durian, Kuala Krai.

Dalam kursus yang berlangsung selama 30 hari itu, mereka diterapkan dengan semangat ketenteraan membabitkan teori umum ketenteraan, kawad kaki, latihan medan, pengenalan dan asas menembak dan acara sukan antara platun.

**Lima anugerah**

Dalam ujian itu, pelajar PKB menerima lima anugerah iaitu Penembak Terbaik, Mohamad Shahiran Awang; Kawad Wanita Terbaik dan Penuntut Keseluruhan Terbaik, Noor Shazwani Zainol Abidin; Kawad Lelaki Terbaik, Az-Aiman Fariq Mat Saat serta Akademik Terbaik, Nur Fazreen Azera Ahmad Fazil.

Majlis penutup ujian dilakukan oleh Pengarah PKB, Noor Azahan Othman.

Turut hadir Timbalan Komander Rejimen 506 AW, Lt Kol Zamri Mat Esa.

**Kebanggaan PKB**

Noor Azahan berkata, kejayaan pelajar PKB dalam ujian terbabit menjadi kebanggaan politeknik berkenaan.

Beliau berkata, kejayaan dicapai hasil usaha semua anggota Askar Wataniah PKB pimpinan dua Penasihat Pasukan Askar Wataniah PKB iaitu Leftenan Mohd Azri Abdul Ghani dan Rosihan Abd Aziz.

"Latihan itu berjaya meningkatkan keyakinan diri, semangat kerjasama, setia kawan, berdisiplin, ketahanan mental dan fizikal.

"Diharap mereka mampu melaksanakan tugas di dalam situasi mencabar serta akan lebih bersemangat seterusnya menjadi pelajar cemerlang," katanya.

**FAKTA NOMBOR**

**76 pelajar**

**PKB sertai** Kelab Pasukan Askar Wataniah

---

Utusan Online : 24 Oktober 2013

ARKIB : 24/10/2013

## IM4U PKB menang anugerah kecemerlangan




Sukarelawan 1M4U Politeknik Kota Bharu bergambar kenangan selepas dinobatkan johan Anugerah Kecemerlangan Kesukarelawanan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Politeknik (AKEPP) 2013 di Port Dickson, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

KOTA BHARU 23 Okt. - Politeknik Kota Bharu (PKB) melakar sejarah tersendiri selepas pasukan sukarelawan 1*Malaysia for Youth* (1M4U) politeknik terbabit dinobatkan sebagai johan Anugerah Kecemerlangan Kesukarelawanan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Politeknik (AKEPP) 2013 yang berlangsung di sebuah hotel di Port Dickson, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Penyelaras 1M4U PKB, Mohd. Shaiful Azhar Jaafar berkata, kejayaan tersebut hasil sokongan para sukarelawan terhadap setiap aktiviti yang dijalankan oleh pihaknya, selain kerjasama dengan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi luar.

"Alhamdulillah kecemerlangan PKB dalam menganjurkan program kesukarelawanan di peringkat institut pengajian tinggi (IPT) dan antara... melayakkan kami untuk menerima anugerah ini.

---

## Keramahan Rakyat Kore[a] Menyentuh Perasaan

Oleh Wan Zuhairi Wan Ismail
bhskor@bharian.com.my

Pepatah ada mengatakan, 'tak kenal maka tak cinta.' Itulah yang dilalui oleh dua orang pelajar Politeknik Kota Bharu (PKB) ketika berpeluang menyertai Program Asian Pasific Youth Caravan (APYC) ke Korea Selatan baru-baru ini.

Pandangan skeptikal mengenai masyarakat negara terbabit yang kononnya sombong, akhirnya lebur apabila mereka disapa dengan penuh mesra sebaik menjejakkan kaki di negara yang cukup popular dengan cerita 'Winter Sonata' itu, pada 20 September lalu.

Keramahan masyarakat Korea cukup mengujakan dua pelajar PKB terbabit iaitu Nur Solehah Abdul Rahman, 24, pelajar tahun akhir jurusan Kejuruteraan Mekanikal Pertanian dan rakannya, Shahrul Ridzwan Bokhari, 22.

Bagi Nur Solehah, keramahan yang ditonjolkan oleh masyarakat Korea ketika menyambut kedatangan peserta menyebabkannya cepat terasa menjadi sebahagian daripada mereka.

"Saya terkejut dengan layanan yang diberikan oleh masyarakat di sana. Tindakan itu memperlihatkan masyarakat di sana cukup menghormati tetamu dan perlu diraikan dengan sebaik mungkin.

"Mereka menghormati saya sebagai seorang Islam, contohnya ketika masuk waktu solat, mereka akan memberitahu dan menyediakan tempat untuk saya menjalankan kewajipan itu.

"Selain itu, dalam aspek pemakanan mereka tidak pernah menyediakan makanan tidak halal kepada saya sebaliknya menyuruh memakan sayur-sayuran saja," katanya yang berasa begitu selesa sepanjang mengikuti progra[m]...

Nur Solehah m[...] pengalaman 10 h[ari] [...] terbabit sudah cu[kup] [...] mempelajari dan [...] ilmu berharga te[...]



*Nur Solehah (tengah) menyertai Program APYC di Korea Selatan, baru-baru ini.*

# sidang REDAKSI

penaung
Tn Hj Azahan Othman

penasihat
Kamaludin Daud
Hj Azahan Daud

ketua editor
Azmi Mamat

editor
Muzirawati Mustafa
Madiha Hasbullah
Nor Asma Mamat
Noormey Mohd Noor
Kang Kim Soon
Muzimah Aida Md Mustapa

grafik & rekaletak
Wan Mohd Hanafi Wan Abd Rahman
Nik Mohd Hafiz Abdul Razak
Hasni Ismail

pasukan penerbitan
Razali Abdul Rashid
Nurdalila Mohamed Khali
Wan Nurdiyana Wan Yusof
Noorli Sham
Zamzuri Arifin
Azahan Khan Alhammul Hack Khan
Mohd Azri Abdul Ghani
Azhari Zakaria
Jefri Amran Ibrahim
Noor Izma Abd Ghani
Nik Norhishamuddin Nik Mustapha

fotografi
Rozenariah Mahat

c a t a t a n

c a t a t a n

ISSN 1394-4835
9 771394 483007

POLITEKNIK
MALAYSIA
KOTA BHARU

POLITEKNIK KOTA BHARU
KM 24, Kok Lanas, 16450 Ketereh, Kelantan
Tel : +609 788 9126 Fax : +609 788 8739
www.pkb.edu.my